BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Buletin Suku Tahunan BNM memberikan penilaian suku tahunan mengenai perkembangan ekonomi, monetari dan kewangan Malaysia. Penilaian ini termasuk penilaian mutakhir oleh Bank Negara Malaysia berhubung dengan hala tuju ekonomi pada masa hadapan. Buletin ini juga memberikan pemahaman tentang isu ekonomi dan kewangan semasa, termasuk sorotan penting berkaitan dengan inisiatif dasar yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia dalam memenuhi mandatnya.

Kandungan

MS5 **Sorotan Penting**

MS7 **Persekitaran Ekonomi Antarabangsa**

MS11 **Perkembangan Ekonomi Malaysia**

MS21 *Rencana: Perbezaan Antara Prestasi Ekonomi dengan Sentimen Orang Ramai*

MS29 **Perkembangan Monetari dan Kewangan**

MS33 **Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia**

MS35 **Tinjauan Makroekonomi**

Rencana Khas

MS39 *Rencana Khas: Mentransformasikan Telefon Mudah Alih menjadi E-Dompet di Malaysia*

MS49 **Tambahan**


Sorotan Penting

Perkembangan Ekonomi dan Kewangan pada S2 2018

Pertumbuhan KDNK lebih sederhana pada 4.5%

Aktiviti sektor swasta dan semua sektor ekonomi utama terus berkembang

Pertumbuhan KDNK Benar



Permintaan dalam negeri lebih kukuh disokong oleh aktiviti sektor swasta yang lebih giat


Sektor perkhidmatan dan perkilangan kekal sebagai pemacu utama

Pertumbuhan terjejas oleh kejutan berkaitan komoditi

Inflasi keseluruhan menurun

Inflasi lebih rendah pada suku kedua mencerminkan terutamanya kesan pelaksanaan kadar GST sifar


Inflasi Keseluruhan dan Teras[1]



[1] Inflasi teras tidak mengambil kira anggaran kesan langsung GST sifar.

Impak perlaksanaan kadar GST sifar diimbangi inflasi pengangkutan yang lebih tinggi

Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan oleh Komponen



Rencana dan Rencana Khas

Perbezaan antara Prestasi Ekonomi dengan Sentimen Orang Ramai

5 isu yang menjejaskan kesejahteraan ekonomi rakyat Malaysia

- **Pengagihan pendapatan yang tidak sekata**
- **Kos sara hidup semakin meningkat**
- **Rumah makin tidak mampu dimiliki**
- **Hutang isi rumah yang tinggi**
- **Persepsi mengenai rasuah**

Mentransformasi Telefon Mudah Alih Menjadi E-Dompet di Malaysia

Semua akaun pelanggan boleh dicapai
Rangkaian yang saling berhubung antara bank dengan entiti bukan bank

Perkhidmatan nilai ditambah yang lebih inovatif
Perkongsian dalam penyediaan infrastruktur pembayaran sambil mendorong persaingan pada peringkat produk.

Pengalaman pengguna yang terbaik
Penyediaan sistem pembayaran yang lancar menggunakan pengenal identiti yang mudah (contohnya nombor telefon mudah alih, nombor kad pengenalan, nombor pendaftaran perniagaan dan satu kod QR yang sama)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Negara Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya
Untuk maklumat lanjut, layari www.bnm.gov.my

Persekitaran Ekonomi Antarabangsa

SOROTAN PENTING

- Ekonomi global terus berkembang, namun terdapat penunjuk bahawa pertumbuhan akan menjadi semakin tidak sekata.
- Pertumbuhan eksport di Asia terus memberangsangkan, meskipun pertumbuhan menjadi lebih sederhana dalam beberapa bulan kebelakangan ini.
- Turun naik pasaran kewangan masih ketara berikutan ketegangan perdagangan.

Pertumbuhan global terus meningkat


Ekonomi global terus berkembang pada suku kedua 2018. Susulan pertumbuhan kukuh ekonomi maju dan ekonomi Asia sepanjang tahun 2017, KDNK suku kedua 2018 menunjukkan bahawa pertumbuhan global semakin tidak sekata. Walaupun pertumbuhan Amerika Syarikat (AS) terus meningkat, banyak negara utama telah sama ada mencatat pengembangan yang hanya sekadar mampan atau menjadi lebih sederhana.

Dalam ekonomi maju, keadaan pasaran pekerja terus menyokong penggunaan swasta, apabila kadar pengangguran terus berkurang dalam keadaan kenaikan upah yang stabil. Khususnya, pengangguran di kawasan euro pada suku kedua 2018 adalah yang paling rendah sejak Disember 2008. Namun, aktiviti pelaburan menjadi sederhana di kebanyakan ekonomi kecuali AS. Hal ini berikutan langkah reformasi cukai yang dilaksanakan pada tahun 2017 terus menyokong perbelanjaan perniagaan.

Pertumbuhan di rantau Asia adalah lebih sederhana. Pada suku kedua, penunjuk utama yang diumumkan secara kerap seperti Indeks Pengurus Pembelian (PMI) sektor perkilangan mencatat penyusutan buat kali pertama sejak tahun 2015. Republik Rakyat China (RR China) mencatat pertumbuhan lebih perlahan kerana kesan dasar pengetatan kredit telah menjejaskan pelaburan dalam negeri, terutamanya perbelanjaan kerajaan tempatan untuk infrastruktur. Permintaan dalam negeri di negara-negara Asia yang lain terus berdaya tahan hasil sokongan dasar dan perbelanjaan yang lebih tinggi untuk infrastruktur.

Aktiviti ekonomi global terus berkembang pada S2 2018


Rajah 1: Pertumbuhan KDNK Ekonomi Terpilih



Sumber: Pihak berkuasa negara

Prestasi eksport kukuh pada S2 2018


Rajah 2: Pertumbuhan Eksport Ekonomi Terpilih (dalam USD)



Sumber: Pihak berkuasa negara

Volatiliti pasaran kewanagan adalah tinggi

Rajah 3: Volatiliti (VIX) Chicago Board Options Exchange (CBOE)



Sumber: Bloomberg

Pertumbuhan eksport terus memberangsangkan

Kebanyakan ekonomi serantau terus mencatat pertumbuhan eksport yang secara relatif lebih tinggi pada suku kedua 2018. Namun, analisis terhadap eksport bulanan menunjukkan terdapat penurunan yang nyata pada bulan Jun. Hal ini mencerminkan permintaan daripada ekonomi utama seperti kawasan euro dan RR China, yang kembali normal. Permintaan untuk produk E&E, yang sebelum ini telah mendorong penghantaran dari Korea dan China Taipei, juga semakin perlahan.

Di samping itu, terdapat tanda-tanda awal bahawa ketegangan perdagangan mula memberikan kesan terhadap prospek pertumbuhan global. PMI di beberapa ekonomi menunjukkan penurunan dalam tempahan baharu serta subindeks keyakinan. Bukti anekdot juga menunjukkan bahawa sesetengah syarikat mungkin perlu menanggung kos input yang lebih tinggi dan berdepan gangguan bekalan. Ekoran permintaan global yang lebih sederhana ini, gangguan terhadap perdagangan boleh memburukkan lagi prospek pertumbuhan global.

Volatiliti pasaran kewangan adalah tinggi

Volatililti atau turun naik pasaran kewangan global semakin ketara memandangkan pusingan pasaran (market gyrations) yang disebabkan oleh ketegangan perdagangan, berterusan sepanjang suku kedua.

Pada bulan Mei, Jabatan Perdagangan AS memulakan siasatan terhadap import kenderaan dan alat ganti kenderaan. Langkah ini lantas menimbulkan spekulasi bahawa tarif akan dikenakan pada masa hadapan. Pada bulan Jun, pengecualian tarif terhadap keluli dan aluminium dari kawasan euro, Kanada dan Mexico telah tamat dan ini seterusnya mencetuskan langkah tindak balas oleh negara yang berkenaan. Selain itu, tarif terhadap import dari China yang bernilai USD34 bilion mula berkuat kuasa pada bulan Julai lantas menyebabkan langkah tindak balas yang sama oleh RR China.

Perkembangan ini telah mengakibatkan penyusutan pasaran yang amat terdedah kepada tindakan perdagangan, seperti pasaran saham China, serta industri keluli dan aluminium.

Selain isu ketegangan perdagangan, aliran keluar modal dalam pasaran sedang pesat membangun turut dijejaskan oleh kadar faedah AS dan nilai Dolar AS yang semakin kukuh.

Dalam pasaran komoditi, harga purata minyak mentah Brent meningkat kepada USD75 setong pada suku kedua 2018 (S1 2018: USD67 setong). Kenaikan harga minyak ini didorong oleh jangkaan bahawa pasaran minyak dunia yang lebih ketat berikutan langkah AS mengenakan semula sekatan ke atas Iran. Harga minyak juga meningkat ekoran kebimbangan terhadap gangguan bekalan di Timur Tengah dan Venezuela.

Perkembangan Ekonomi Malaysia

SOROTAN PENTING


- Ekonomi Malaysia meningkat 4.5% pada suku kedua.
- Inflasi keseluruhan menurun kepada 1.3%.
- Lebihan akaun semasa mengecil kepada 1.2% daripada PNK.

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan 4.5%

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar lebih perlahan sebanyak 4.5% pada suku kedua 2018 (S1 2018: 5.4%). Pertumbuhan lebih perlahan ini disebabkan terutamanya oleh gangguan bekalan dalam sektor perlombongan dan pengeluaran pertanian yang lebih rendah. Bagi sektor pertanian, pengeluaran telah terjejas oleh kekangan bekalan dan keadaan cuaca yang buruk. Dari segi permintaan, pertumbuhan menjadi lembab disebabkan oleh pelaburan awam dan pertumbuhan eksport bersih yang lebih rendah. Namun demikian, perbelanjaan sektor swasta pada suku tersebut terus kukuh dan berkembang sebanyak 7.5% (S1 2018: 5.2%). Khususnya, penggunaan swasta meningkat pada kadar lebih kukuh sebanyak 8.0% (S1 2018: 6.9%). Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara meningkat 0.3% (S1 2018: 1.4%).

Pertumbuhan yang berterusan pada S2 2018, walaupun pada kadar yang lebih perlahan


Rajah 4: Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan


Rajah 5: Sumbangan Komponen Perbelanjaan kepada Pertumbuhan KDNK



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pembentukan modal tetap kasar terus berkembang

Rajah 6: Pertumbuhan PMTK Mengikut Jenis Aset



* Aset-aset lain termasuk penerokaan mineral, penyelidikan & pembangunan dan pelaburan modal

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Permintaan dalam negeri dipacu sektor swasta

Permintaan dalam negeri meningkat pada kadar lebih kukuh sebanyak 5.6% (S1 2018: 4.1%) apabila aktiviti sektor swasta yang lebih tinggi (7.5%; S1 2018: 5.2%) telah lebih daripada mengimbangi kemerosotan perbelanjaan sektor awam (-1.4%; S1 2018: -0.1%).

Penggunaan swasta meningkat pada kadar lebih pantas sebanyak 8.0% (S1 2018: 6.9%). Ini merupakan peningkatan tertinggi pernah dicatat sejak suku pertama 2015, didorong oleh keadaan upah dan guna tenaga yang terus kukuh. Perbelanjaan pengguna juga telah dirangsang oleh inflasi yang lebih rendah pada suku tersebut berikutan pelaksanaan kadar Cukai Barang dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST)[1] pada kadar sifar dan sentimen pengguna yang lebih teguh.

Kadar pertumbuhan pelaburan swasta lebih tinggi kepada 6.1% (S1 2018: 0.5%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Prestasi yang lebih baik ini disokong oleh sentimen perniagaan yang positif, keadaan permintaan yang teguh dan penggunaan kapasiti pada kadar yang tinggi pada suku kedua.

Penggunaan awam meningkat 3.1% (S1 2018: 0.4%), berikutan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang bertambah baik di samping perbelanjaan untuk emolumen yang mampan.

Pelaburan awam terus menguncup pada suku kedua (-9.8%; S1 2018: -1.0%). Ini sebahagiannya disebabkan oleh beberapa projek yang sedang dijalankan hampir disiapkan dan perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah oleh Kerajaan Persekutuan.

Pembentukan modal tetap kasar (PMTK) meningkat kepada 2.2% (S1 2018: 0.1%), hasil daripada aktiviti pelaburan sektor swasta yang lebih giat. Dari segi jenis aset, perbelanjaan modal untuk jentera dan kelengkapan kembali pulih dan meningkat dengan nyata kepada 3.6% (S1 2018: -3.6%). Pelaburan dalam struktur berkembang pada kadar lebih perlahan iaitu 2.1% (S1 2018: 2.8%). Ini terutamanya ekoran pelaburan yang lebih perlahan dalam harta bukan kediaman seperti ruang pejabat dan runcit. Pelaburan dalam jenis aset lain menguncup sebanyak 2.9% (S1 2018: -0.2%).

[1] Pengurangan kadar GST daripada 6% kepada 0% mulai 1 Jun 2018

Sektor ekonomi utama terus berkembang

Dari segi penawaran, pertumbuhan telah terjejas oleh kejutan berkaitan komoditi. Namun, sektor ekonomi utama, khususnya sektor perkhidmatan dan perkilangan (77.5% daripada KDNK), terus menyokong pertumbuhan.

Pertumbuhan sektor perlombongan menguncup disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dalam pengeluaran gas asli akibat gangguan bekalan gas yang tidak dijangka. Pertumbuhan sektor pertanian juga merosot disebabkan subsektor minyak sawit terjejas oleh kekangan pengeluaran dan keadaan cuaca yang buruk.


Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan yang mampan pada suku kedua, didorong terutamanya oleh subsektor perdagangan borong dan runcit berikutan perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi kesan daripada pelaksanaan kadar GST sifar. Pertumbuhan sektor ini turut disokong subsektor maklumat dan komunikasi, hasil sokongan permintaan yang terus kukuh untuk perkhidmatan komunikasi data. Pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans telah didorong oleh aktiviti pemberian pinjaman yang berterusan.

Sektor perkilangan meningkat dengan lebih sederhana pada suku kedua, disokong oleh prestasi kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E), serta kelompok berkaitan pengguna dan pembinaan. Perkembangan ini adalah berikutan permintaan yang berterusan daripada segmen semikonduktor yang pesat berkembang (seperti automotif dan *Internet of Things* atau IoT) dan pelaksanaan kadar GST sifar. Pertumbuhan kelompok-kelompok ini telah mengimbangi sebahagian daripada prestasi lebih lemah kelompok berkaitan sumber yang terjejas akibat kejutan berkaitan komoditi huluan.

Pertumbuhan sektor pembinaan terus sederhana pada suku kedua. Bagi subsektor kejuruteraan awam, pertumbuhan disokong oleh projek pengangkutan, petrokimia dan loji kuasa yang sedang dilaksanakan. Subsektor harta kediaman dan harta bukan kediaman pula merosot lagi. Perkembangan ini sebahagiannya mencerminkan jumlah harta kediaman tidak terjual yang agak besar serta lebihan bekalan ruang pejabat dan kompleks membeli-belah.

Sektor ekonomi lain terus berkembang meskipun pertumbuhan sektor komoditi lemah


Rajah 7: Pertumbuhan Mengikut Sektor



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkhidmatan dan perkilangan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan


Rajah 8: Sumbangan kepada KDNK Benar Mengikut Sektor Ekonomi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sumbangan daripada pelaksanaan kadar GST sifar diimbangi oleh inflasi pengangkutan yang lebih tinggi


Rajah 9: Sumbangan kepada Inflasi Keseluruhan Mengikut Komponen



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi menurun pada S2 2018

Rajah 10: Rebakan Inflasi



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kadar inflasi yang lebih rendah pada suku kedua disebabkan terutamanya oleh pelaksanaan kadar GST sifar

Inflasi keseluruhan, seperti yang diukur oleh perubahan peratusan tahunan Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.3% pada suku kedua 2018 (S1 2018: 1.8%).

Kadar inflasi yang lebih rendah ini mencerminkan terutamanya kesan pelaksanaan kadar GST sifar. Berikutan itu, kadar inflasi menurun kepada 0.8% pada bulan Jun (Mei: 1.8%; April: 1.4%). Penurunan harga adalah menyeluruh, dengan lebih 90% daripada barangan yang sebelum ini dikenakan kadar cukai yang standard di bawah GST, mencatat kejatuhan harga antara 0.06% hingga 6.75%. Susulan itu, jumlah barangan dalam bakul IHP dengan kadar inflasi yang melebihi 2% menurun kepada 18% pada suku kedua 2018 (S1 2018: 28%). Namun, tahap kejatuhan harga pada bulan Jun lebih kecil daripada jangkaan. Harga barangan berkadar standard dalam bakul IHP secara purata menurun sebanyak 2.3%.

Impak daripada pelaksanaan kadar GST sifar, bagaimanapun, telah diimbangi oleh inflasi pengangkutan yang lebih tinggi. Meskipun harga runcit petrol RON95 domestik ditetapkan pada RM2.20 seliter sejak 22 Mac 2018, harga yang lebih rendah pada tempoh asas suku kedua 2017 menyebabkan inflasi dalam kategori ***pengangkutan***[2] lebih tinggi. Namun, harga petrol RON95 yang ditetapkan telah membantu mengekang kenaikan selanjutnya dalam inflasi bahan api pada suku tersebut.

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan pelaksanaan kadar GST sifar, juga menjadi sederhana pada suku kedua kepada 1.5% (S1 2018: 1.9%). Ini terutamanya disebabkan oleh inflasi yang lebih rendah dalam sub-kategori ***makanan di luar rumah*** hasil daripada kadar pertukaran ringgit yang lebih kukuh pada separuh pertama tahun 2018 berbanding separuh kedua tahun 2017. Inflasi yang didorong oleh permintaan terus stabil.

[2] Harga petrol RON95 purata ialah RM2.10 seliter pada suku kedua 2017.

Keadaan pasaran pekerja menyokong pertumbuhan


Pada suku kedua 2018, keadaan pasaran pekerja terus menyokong pertumbuhan. Pertambahan tenaga kerja adalah seiring dengan kenaikan guna tenaga bersih lantas menyebabkan kadar pengangguran tidak berubah pada 3.3% (S1 2018: 3.3%). Pertumbuhan guna tenaga pada suku tersebut lebih kukuh pada 2.4% (S1 2018: 2.3%).

Dalam sektor kewangan[3], jumlah guna tenaga bersih bertambah sebanyak 1,412 jawatan kepada 165,628 pekerja (S1 2018: 164,216 pekerja). Ini mencerminkan pertambahan terutamanya dalam pekerjaan berkemahiran tinggi (+1,762 orang).

Pertumbuhan upah sekor swasta berkurang kepada 5.7% (S1 2018: 6.6%). Upah sektor perkilangan meningkat pada kadar lebih sederhana iaitu 10.1% berbanding pertumbuhan kukuh 13.9% pada suku pertama 2018. Upah sektor perkhidmatan pula bertambah baik kepada 3.7% (S1 2018: 3.5%), disokong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit, serta perkhidmatan profesional.

Kadar pengangguran mampan


Rajah 11: Kadar pengangguran



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan upah sektor swasta lebih sederhana

Rajah 12: Upah sektor swasta



*Upah sektor swasta diperoleh daripada data gaji dan upah yang diterbitkan dalam Perangkaan Pembuatan Bulanan dan Perangkaan Perkhidmatan Suku Tahunan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Ia meliputi 62% daripada jumlah guna tenaga.


Sumber: Anggaran Bank Negara Malaysia

[2] Hanya meliputi institusi perbankan, institusi kewangan pembangunan, syarikat insurans dan pengendali takaful. Maklumat ini diperoleh daripada kajian terhadap pertubuhan perniagaan yang dijalankan oleh Bank Negara Malaysia.

Barangan perkilangan kekal sebagai pemacu utama eksport

Rajah 13: Eksport Kasar Mengikut Keluaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan eksport ke kebanyakan pasaran utama mampan

Rajah 14: Eksport Kasar Mengikut Pasaran

Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Eksport berkembang lebih pantas manakala import kembali positif

Pada suku kedua 2018, eksport kasar berkembang pada kadar lebih pantas iaitu 8.2% (S1 2018: 5.8%), disokong terutamanya oleh kegiatan eksport semula yang meningkat sebanyak 53.5% (S1 2018: 42.3%). Eksport domestik[4] kembali pulih lalu mencatat pertumbuhan positif 0.2% (S1 2018: -0.7%). Lebihan perdagangan terus kukuh, walaupun jumlah lebihan kecil sedikit pada RM27.2 bilion (S1 2018: RM33.4 bilion).

Pertumbuhan eksport disokong oleh permintaan yang berterusan daripada rakan perdagangan utama negara, khususnya dari rantau ini. Eksport barangan perkilangan meningkat dua angka sebanyak 10.6% (S1 2018: 8.2%). Eksport semikonduktor terus mencatat pertumbuhan memberangsangkan sebanyak 21.0% (S1 2018: 29.6%), sejajar dengan pengembangan berterusan dalam kitaran teknologi global seperti ditunjukkan oleh pertumbuhan dua angka dalam jualan semikonduktor global. Eksport barangan perkilangan berasaskan sumber dan bukan sumber meningkat pada kadar lebih pantas, didorong terutamanya oleh eksport kimia dan keluaran kimia, keluaran petroleum dan keluaran logam. Eksport komoditi menguncup sedikit apabila kemerosotan berterusan dalam eksport minyak sawit mentah, LNG dan getah dapat diimbangi sebahagiannya oleh jumlah dan harga eksport minyak mentah yang lebih tinggi.

Import kasar kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif 7.7% pada suku kedua (S1 2018: -0.8%), disokong oleh aktiviti eksport semula yang memberangsangkan dan pemulihan dalam import modal. Import untuk tujuan eksport semula didorong oleh segmen E&E. Import modal kembali pulih berikutan kegiatan pelaburan dalam negeri yang lebih kukuh dan luputnya kesan asas yang tinggi pada suku pertama 2017 bagi segmen kelengkapan pengangkutan. Walau bagaimanapun, import barangan pengantara terus merosot walaupun pada kadar lebih kecil. Ini sejajar dengan pertumbuhan eksport barangan yang dikilang di dalam negeri yang lembab.

[4] Eksport domestik ditakrifkan sebagai eksport kasar yang tidak termasuk aktiviti eksport semula. Ini merupakan data siri masa yang baru diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa lebih rendah

Pada suku kedua 2018, lebihan akaun semasa mengecil kepada RM3.9 bilion (S1 2018: RM15.0 bilion) atau 1.2% daripada PNK (S1 2018: 4.5% daripada PNK). Hal ini disebabkan oleh lebihan akaun barangan yang lebih rendah[5] dan defisit akaun perkhidmatan dan pendapatan primer yang lebih besar.


Dengan peningkatan import mengatasi pertumbuhan eksport, lebihan akaun barangan menyusut kepada RM26.1 bilion (S1 2018: RM35.7 bilion). Defisit akaun perkhidmatan lebih besar sebanyak RM6.2 bilion (S1 2018: -RM5.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh pembayaran bersih yang lebih tinggi kepada penyedia perkhidmatan asing dalam segmen pembinaan dan pengangkutan.

Defisit akaun pendapatan primer meningkat kepada RM11.2 bilion (S1 2018: -RM10.2 bilion). Hal ini disebabkan terutamanya oleh pendapatan dividen yang lebih tinggi pelabur portfolio asing dalam firma awam yang disenaraikan berikutan keuntungan keseluruhan yang mampan bagi MNC yang melabur di negara ini. Akaun pendapatan sekunder mencatat jumlah defisit yang sama iaitu RM4.7 bilion (S1 2018: -RM4.7 bilion), mencerminkan pengiriman wang keluar secara berterusan oleh pekerja asing.

Import meningkat kembali, didorong aktiviti eksport semula yang kukuh dan import barangan modal

Rajah 15: Import Kasar Mengikut Keluaran


Perubahan tahunan (%), sumbangan kepada pertumbuhan (mata peratusan)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Lebihan akaun semasa lebih rendah

Rajah 16: Imbangan akaun semasa




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[5] Perbezaan antara lebihan akaun barangan dengan lebihan akaun perdagangan mungkin timbul berikutan pengecualian barangan untuk pemprosesan, penyimpanan dan pengagihan dalam akaun barangan mengikut Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Edisi Keenam (BPM6) IMF.

Aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan langsung

Rajah 17: Aliran Pelaburan Langsung Bersih Mengikut Sektor




Nota: Bagi DIA, angka positif merujuk aliran keluar bersih manakala angka negatif merujuk aliran masuk bersih

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Aliran keluar bersih dalam akaun pelaburan portfolio terutamanya oleh pelabur bukan pemastautin

Rajah 18: Pelaburan portfolio



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih

Pada suku kedua 2018, akaun kewangan mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM9.2 bilion (S1 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM15.2 bilion). Penempatan mata wang dan deposit yang lebih tinggi dalam institusi kewangan domestik diimbangi sebahagiannya oleh aliran keluar pelaburan portfolio bukan pemastautin yang besar.

Akaun pelaburan langsung mencatat aliran keluar bersih yang kecil sebanyak RM0.7 bilion (S1 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM10.7 bilion). Pada suku kedua, pelaburan langsung asing (FDI) mencatat aliran masuk bersih yang lebih rendah sebanyak RM2.8 bilion (S1 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM12.0 bilion), berikutan perolehan tertahan yang lebih rendah dan beberapa pelupusan pemegangan ekuiti asing bagi syarikat perkilangan berikutan aktiviti pemerolehan oleh pemastautin. Aliran masuk FDI disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor harta tanah dan perdagangan borong dan runcit, diikuti oleh sektor perlombongan. Pelaburan langsung luar negeri (DIA) oleh syarikat Malaysia mencatat aliran keluar bersih yang lebih besar sebanyak RM3.6 bilion (S1 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM1.3 bilion). Aliran keluar ini sebahagian besarnya adalah dalam bentuk suntikan modal ekuiti dan pelaburan semula perolehan dalam anak-anak syarikat di luar negeri. Aliran keluar DIA disalurkan terutamanya ke dalam sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan, diikuti oleh sektor perlombongan.

Akaun pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM38.3 bilion (S1 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM2.6 bilion), berpunca daripada aliran keluar bukan pemastautin (S2 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM37.2 bilion; S1 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM7.9 bilion) serta pemerolehan aset kewangan asing bersih yang berterusan oleh pelabur institusi domestik, pengurus dana dan bank pemastautin (S2 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM1.0 bilion; S1 2018: aliran keluar bersih sebanyak RM10.5 bilion). Aliran keluar portfolio bukan pemastautin didorong terutamanya oleh faktor luaran, termasuk jangkaan bahawa langkah mengembalikan kadar faedah AS ke tahap yang lebih wajar akan dilaksanakan dengan lebih pantas dan ketegangan perdagangan yang semakin meruncing, serta kebimbangan yang berkisar pada ketidakpastian mengenai dasar dalam negeri.

Akaun pelaburan lain mencatat aliran masuk bersih yang lebih tinggi sebanyak RM48.4 bilion (S1 2018: aliran masuk bersih sebanyak RM6.4 bilion). Hal ini disebabkan terutamanya oleh penempatan mata wang dan deposit dalam institusi kewangan domestik. Item kesilapan dan ketinggalan (E&O) bersih berjumlah -RM13.9 bilion atau -3.0% daripada jumlah perdagangan. Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia berjumlah USD104.7 bilion pada akhir bulan Jun 2018, berbanding dengan USD107.8 bilion pada akhir bulan Mac 2018.

Hutang luar negeri kekal terurus


Pada akhir bulan Jun 2018, hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM936.5 bilion atau 64.7% daripada KDNK (akhir bulan Mac: RM893.4 bilion atau 61.8% daripada KDNK). Peningkatan hutang luar negeri ini sebahagian besarnya mencerminkan peningkatan peminjaman antara bank dan kesan penilaian berikutan ringgit yang menyusut nilai berbanding dengan mata-mata wang utama dan serantau terpilih pada suku kedua 2018. Namun, perkembangan ini diimbangi sebahagiannya oleh beberapa pelupusan sekuriti hutang domestik oleh pelabur bukan pemastautin.

Hutang luar negeri Malaysia masih terurus berdasarkan profil mata wang dan tempoh matangnya di samping faktor tersedianya aset luaran yang besar. Hampir satu pertiga daripada jumlah hutang luar negeri adalah dalam nilai ringgit (31.2%; akhir bulan Mac: 34.8%). Ini terutamanya dalam bentuk pemegangan sekuriti hutang domestik dan deposit dalam ringgit di institusi perbankan domestik oleh bukan pemastautin. Oleh yang demikian, liabiliti-liabiliti tersebut tidak tertakluk kepada perubahan penilaian berikutan turun naik kadar pertukaran ringgit.

Baki hutang luar negeri sebanyak RM644.3 bilion atau 68.8% daripada jumlah hutang luar negeri (44.5% daripada KDNK) adalah dalam mata wang asing (foreign currency, FC) dan tertakluk kepada amalan pengurusan mudah tunai dan keperluan perlindungan nilai berhemat institusi perbankan dan syarikat korporat. Kebanyakan daripada obligasi ini ialah peminjaman luar pesisir, yang diperoleh terutamanya untuk mengembangkan kapasiti produktif dan menambah baik pengurusan sumber kewangan kumpulan korporat. Pada akhir bulan Jun 2018, peminjaman luar pesisir adalah pada 40.5% daripada KDNK (akhir bulan Mac: 35.8%), jauh lebih rendah daripada kadar 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia tahun 1997-98.

Hutang luar negeri lebih tinggi pada S2 2018

Rajah 19: Perubahan dalam Hutang Luar Negeri
Perubahan bersih[1]: +RM43.1 bilion




[1]Perubahan setiap instrumen hutang tidak termasuk kesan penilaian kadar pertukaran
[2]Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang dalam denominasi mata wang asing tertakluk kepada keperluan amalan pengurusan mudah tunai dan perlindungan nilai yang berhemat

Rajah 20: Butiran Hutang dalam Denominasi Mata Wang Asing Luar Negeri (% keseluruhan)



*Termasuk kredit perdagangan dan pelbagai, seperti tuntutan insurans yang belum dikeluarkan dan faedah belum bayar untuk bon dan nota

Sumber: Kementerian Kewangan, Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Daripada jumlah hutang luar negeri dalam FC (termasuk kesan penilaian), sebanyak 39.3% (atau RM253.0 bilion) merupakan peminjaman antara bank dan deposit FC dalam sistem perbankan domestik. Kebanyakannya mencerminkan pengurusan mudah tunai antara kumpulan bank dan penempatan deposit oleh entiti induk asing. Selain itu, beberapa bank telah memperkukuh penampan mudah tunai FC mereka pada suku tersebut kerana menjangkakan kemungkinan pengeluaran dan matangnya deposit mata wang asing, dan pasaran pertukaran asing akan mengalami turun naik dan menjadi lebih ketat. Risiko pendanaan dan mudah tunai terus diuruskan secara proaktif menerusi kawalan dan dasar dalaman yang lebih rapi, termasuk menetapkan had dalaman bagi (i) peminjaman antara bank, (ii) kedudukan pendanaan dalam mata wang asing dan kedudukan mudah tunai serta (iii) dedahan terhadap risiko pasaran pertukaran asing. Risiko pertukaran asing, seperti yang diukur oleh kedudukan terbuka bersih akaun dedahan dalam mata wang asing, stabil pada 5.2% daripada jumlah modal bank.

Pada akhir bulan Jun 2018, nilai bon dan nota jangka panjang yang diterbitkan di luar pesisir adalah sebanyak RM144.8 bilion dan disalurkan terutamanya untuk pembiayaan pemerolehan aset di luar negeri bagi menjana pendapatan akan datang. Pinjaman antara syarikat biasanya mempunyai syarat yang fleksibel dan berkadar rendah, seperti tiada jadual pembayaran balik yang tetap atau kadar faedah yang rendah.

Dari perspektif tempoh matang, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri bertempoh jangka sederhana hingga panjang (52.0% daripada jumlah hutang luar negeri; akhir bulan Mac: 55.5%). Ini menunjukkan bahawa risiko pembiayaan semula adalah terhad.

Pada 31 Julai 2018, rizab antarabangsa berjumlah USD104.5 bilion. Jumlah rizab ini mencukupi untuk membiayai 7.5 bulan import tertangguh dan 0.9 kali hutang luar negeri jangka pendek. Rizab antarabangsa Malaysia adalah mencukupi untuk menampung hutang luar negeri jangka pendek memandangkan peminjam mempunyai aset luaran untuk memenuhi obligasi luaran mereka.

Rizab bukanlah satu-satunya cara untuk memenuhi obligasi luaran. Langkah liberalisasi terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing secara progresif telah menghasilkan desentralisasi rizab yang lebih besar. Ini ditunjukkan dalam aktiviti pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin dan syarikat korporat yang semakin meningkat. Khususnya, bank dan syarikat korporat memegang tiga perempat daripada jumlah aset luaran Malaysia (akhir S2 2018: RM1.3 trilion), yang juga boleh dikeluarkan untuk memenuhi obligasi hutang luar negeri mereka (RM740.9 bilion). Ini boleh dilakukan tanpa memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa. Jumlah rizab antarabangsa yang mencukupi ini bersama-sama dengan tersedianya aset luaran yang besar yang dipegang oleh bank dan syarikat korporat, serta kadar pertukaran yang fleksibel, akan terus menjadi penampan yang penting terhadap kemungkinan kejutan luaran.

Rencana

Perbezaan Antara Prestasi Ekonomi dengan Sentimen Orang Ramai

oleh Ahmad Haris Mohd Zukki, Joanne Tay Rui Ying dan Mohamed Rizwan Habeeb Rahuman

SOROTAN PENTING

- Meskipun prestasi makroekonomi kukuh untuk beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat sedikit kebimbangan bahawa pertumbuhan KDNK yang tinggi tidak menghasilkan penambahbaikan terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia.
- Faktor-faktor yang menyumbang kepada perbezaan ini termasuk pengagihan pendapatan yang tidak sekata, kos sara hidup yang meningkat, obligasi hutang yang tinggi, kemampuan memiliki rumah semakin merosot dan persepsi mengenai rasuah.
- Selain daripada angka keseluruhan makro seperti KDNK dan inflasi, penekanan yang lebih perlu diberikan kepada pertumbuhan dari aspek pengagihan, dengan pendekatan yang lebih teliti pada kualiti pekerjaan yang diwujudkan, kos sara hidup dan kemampuan memiliki rumah.

Pendahuluan


Pada tahun 2017, pertumbuhan ekonomi Malaysia mencatat peningkatan yang ketara pada 5.9%, iaitu yang tertinggi sejak tahun 2014. Prestasi ekonomi yang menggalakkan ini menerima pujian daripada Bank Dunia, sebagai "pertumbuhan yang ketara pesatnya" dan menjangka bahawa Malaysia akan "mencapai status (negara) berpendapatan tinggi dalam tempoh beberapa tahun akan datang" (Bank Dunia, 2017). Walau bagaimanapun, gambaran pertumbuhan yang menggalakkan ini nyata berbeza daripada sentimen golongan akar umbi. Khususnya, Indeks Sentimen Pengguna MIER telah secara konsisten mencatatkan aras yang lebih rendah daripada had keyakinan (optimism threshold) sejak tiga tahun yang lalu (2014-17). Tempoh ini merupakan tempoh terpanjang catatan paras indeks tersebut berada di bawah had keyakinan. Keadaan ini mencerminkan kebimbangan secara keseluruhan bahawa prestasi pertumbuhan Malaysia yang kukuh tidak menghasilkan penambahbaikan terhadap kesejahteraan rakyat Malaysia dari aspek material. Rencana ini berusaha mengupas percanggahan antara prestasi makroekonomi keseluruhan Malaysia dengan perasaan kurang puas hati dalam kalangan rakyat Malaysia tentang kesejahteraan ekonomi mereka.

Pengagihan pendapatan yang tidak sekata

Secara agregat, peningkatan pada pertumbuhan Malaysia telah menyumbang kepada kenaikan pendapatan yang stabil. Antara tahun 2010 hingga 2017, KDNK benar meningkat sebanyak 5.2% setahun, manakala pendapatan per kapita meningkat sebanyak 3.1% setahun. Trend ini turut diperhatikan melalui kenaikan upah sektor perkilangan yang stabil dalam tempoh yang sama (Rajah 1). Namun, apabila diteliti dengan lebih terperinci, pemerhatian mendapati bahawa manfaat pertumbuhan negara tidak diagihkan dengan sewajarnya merentas semua segmen masyarakat. Keadaan ini berlaku secara meluas pada peringkat global, kerana golongan berpendapatan 1% tertinggi di dunia memperoleh pendapatan dua kali lebih tinggi berbanding dengan golongan berpendapatan 50% terendah antara tahun 1988 hingga 2008 (Milanovic, 2013). Di Malaysia, meskipun trend ketidaksamaan


pendapatan, mengikut ukuran pekali Gini, secara keseluruhannya telah menjadi lebih rendah, masih terdapat ruang untuk meningkatkan pengagihan pendapatan negara. Pada tahun 2016, bilangan isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM5,000 adalah lebih dua kali bilangan isi rumah yang berpendapatan lebih daripada RM10,000 (Rajah 2). Angka ini sebahagiannya mencerminkan pewujudan pekerjaan dan upah yang tidak sekata merentas tahap kemahiran yang berbeza. Antara tahun 2015 hingga 2017, 54% daripada jumlah pekerjaan bersih diwujudkan dalam segmen kemahiran rendah dan sederhana, yang pada puratanya membayar gaji masing-masing sebanyak RM1,095 dan RM1,493 sebulan.

Rajah 1: KDNK, Pendapatan per Kapita dan Upah Sektor Pembuatan (Harga 2010) 2010-2017



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Rajah 2: Peratusan Pengedaran Isi Rumah mengikut Kategori Pendapatan, 2016



Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kos sara hidup yang meningkat


Isi rumah turut dibelenggu oleh komitmen perbelanjaan yang lebih tinggi, yang merupakan salah satu faktor utama yang menjejaskan keyakinan mereka. Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini, pelbagai kejutan seperti rasionalisasi subsidi, pengenalan GST serta kedudukan ringgit yang lebih lemah, secara kolektif menyumbang kepada kos sara hidup yang lebih tinggi. Tekanan kos yang meningkat dicerminkan dalam inflasi purata lebih tinggi iaitu 2.7% selepas GST (Apr. 2015 – Apr. 2018), berbanding dengan purata sebelum GST sebanyak 2.0% (Jan. 2009 – Mac 2015). Dalam

tempoh yang sama, berikutan penyusutan nilai ringgit, kos barangan siap yang diimport dalam bakul IHP turut meningkat sebanyak 2%, berbanding dengan peningkatan yang lebih kecil sebanyak 0.8% antara Jan. 2009 hingga Mac 2015.

Kos sara hidup yang lebih tinggi benar-benar dirasai oleh isi rumah yang mudah terjejas dan berpendapatan lebih rendah. Paling ketara, 35%[1] daripada pendapatan purata isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% terendah[2] (B40) dibelanjakan untuk makanan, yang mencatat kenaikan harga tertinggi dalam tempoh yang sama (Inflasi makanan antara Apr. 2015 – Apr. 2018: 3.8%; Perbelanjaan lain: 2.3%). Isi rumah B40 juga mengalami pertambahan pendapatan yang sangat perlahan jika dibandingkan secara relatif dengan isi rumah yang berpendapatan lebih tinggi (Rajah 3)[3]. Kesannya, isi rumah B40 lebih mudah terjejas oleh kenaikan kos sara hidup kerana mempunyai penampan pendapatan yang agak terhad. Khususnya, pertambahan pendapatan untuk isi rumah B40 hampir diimbangi sepenuhnya oleh perbelanjaan yang meningkat pada tahun 2016 (Rajah 4), sebahagian besarnya untuk pembelian keperluan asas. Sebaliknya, isi rumah dalam kumpulan pendapatan 40% pertengahan (M40) dan 20% teratas (T20) mengumpulkan penampan pendapatan yang lebih tinggi, disebabkan peningkatan pendapatan yang lebih besar. Ini memperkukuhkan lagi tanggapan bahawa penambahbaikan keadaan makroekonomi hanya memanfaatkan segmen masyarakat Malaysia yang tertentu, lantas turut melemahkan sentimen isi rumah.

Berikutan pengagihan pendapatan yang tidak sekata dan kos sara hidup yang terus meningkat, sebahagian isi rumah tidak dapat merealisasikan aspirasi mereka untuk menikmati taraf hidup yang lebih tinggi. Malah, taraf kehidupan yang selesa juga mungkin tidak dapat dicapai oleh sesetengah isi rumah. Pada tahun 2016, sehingga 27% daripada isi rumah di Kuala Lumpur yang berpendapatan di bawah gaji kehidupan wajar[4] (living wage) yang diperlukan untuk mencapai taraf hidup minimum yang diterima masyarakat. (Chong et al., 2017). Jurang tahap gaji kehidupan wajar dengan gaji semasa mengekang isi rumah untuk berinteraksi dalam masyarakat secara bermakna serta memberi peluang untuk membangunkan diri dan keluarga seperti melancong pada musim perayaan dan melakukan aktiviti rekreasi. Perkara ini adalah lebih ketara dalam kalangan isi rumah yang mudah terjejas disebabkan oleh paras pendapatan mereka yang terus rendah.

Rajah 3: Pertambahan (%, CAGR) Pendatan Isi Rumah dan Kos Sara Hidup[3]



Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Laporan Penyiasatan Perbelanjaan 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia


[1] Merujuk perbelanjaan untuk *makanan* dan *minuman bukan alkohol*, termasuk *makanan di luar rumah*.

[2] Isi rumah B40 merujuk isi rumah dengan paras pendapatan di bawah RM4,360 (M40: RM4,361 hingga RM9,615, T20: ≥RM9,616) pada tahun 2016.

[3] Kos sara hidup dikira berdasarkan bahagian perbelanjaan isi rumah mengikut kategori bagi kumpulan pendapatan berlainan yang diambil daripada Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016 dan Indeks Harga Pengguna.

[4] Gaji kehidupan wajar di Kuala Lumpur untuk seorang dewasa ialah RM2,700 (pasangan tanpa anak adalah sebanyak RM4,500 dan pasangan dengan dua anak RM6,500).

Rajah 4: Pendapatan Bersih dan Pertambahan Purata Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah, 2014-2016



Sumber: Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, Laporan Penyiasatan Perbelanjaan 2016, Jabatan Perangkaan Malaysia

Kemampuan memiliki rumah

Memiliki rumah adalah impian segolongan besar rakyat Malaysia, yang terbukti melalui kadar pemilikan rumah yang tinggi di negara ini (2016: 76.3%). Namun, impian rakyat Malaysia ini semakin lama semakin sukar dicapai kerana harga rumah yang semakin tidak mampu dimiliki di kebanyakan kawasan di negara ini. Pada tahun 2016, harga rumah di Malaysia secara puratanya adalah sebanyak kira-kira lima kali pendapatan isi rumah median tahunan (2009: 4.4 kali). Hal ini menjadikan rumah sangat tidak mampu dimilki berbanding dengan piawaian tiga kali yang diterima pakai di peringkat global. Berdasarkan pendapatan isi rumah median sebanyak RM5,228, harga rumah mampu milik maksimum di Malaysia dianggarkan sebanyak RM282,000 (Cheah et al., 2017). Namun, harga rumah median sebenar ialah 11% lebih tinggi iaitu pada RM313,000.

Kemampuan memiliki rumah yang semakin merosot sebahagian besarnya berpunca daripada ketidakpadanan bekalan dengan permintaan dan pertumbuhan pendapatan yang lebih perlahan. Dari aspek penawaran, pembinaan perumahan secara konsisten tidak dapat memenuhi permintaan isi rumah. Antara tahun 2014 hingga 2016, purata bekalan rumah baharu sebanyak 114,000 jauh lebih rendah berbanding dengan 154,000 pertambahan isi rumah baharu. Kekurangan bekalan rumah mampu milik diburukkan lagi oleh fakta bahawa pelancaran perumahan kebelakangan ini lebih tertumpu kepada segmen harta tanah mewah yang tidak mampu dimiliki oleh kebanyakan rakyat Malaysia. Ketidakpadanan antara bekalan dengan permintaan, digabungkan pula dengan pilihan masyarakat yang mengutamakan pemilikan rumah berbanding dengan menyewa, terus menyebabkan tekanan yang menaikkan harga rumah. Pada asasnya, pertumbuhan pendapatan isi rumah juga tidak sepadan dengan kenaikan harga rumah. Antara tahun 2007 hingga 2016, harga rumah secara puratanya meningkat sebanyak 10%, tetapi pendapatan hanya bertambah secara puratanya sebanyak 8%. Jurang yang semakin lebar antara pendapatan dengan harga rumah memburukkan lagi persepsi tentang kenaikan kos sara hidup, kerana perbelanjaan perumahan mencakupi satu perempat daripada perbelanjaan isi rumah[5].


Kekangan perbelanjaan berikutan hutang isi rumah yang meningkat

Satu lagi isu yang mempengaruhi sentimen rakyat Malaysia ialah paras hutang yang meningkat. Meskipun pertumbuhan hutang isi rumah menjadi lebih sederhana sejak kebelakangan ini, paras ini masih tinggi secara relatifnya iaitu 84.0% daripada KDNK pada S1 18. Meskipun terdapat pertambahan pendapatan sejak akhir-akhir ini, kedudukan kewangan isi rumah masih tidak memaparkan peningkatan yang ketara, kerana sebahagian besar pendapatan isi rumah digunakan untuk memenuhi obligasi hutang. Antara tahun 2014 hingga 2016, nisbah khidmat hutang isi rumah Malaysia meningkat daripada 30.9% kepada 32.7%. Beban hutang yang tinggi juga lebih

[5] Jabatan Perangkaan, Malaysia – Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah 2016


ketara dalam kalangan isi rumah yang berpendapatan lebih rendah, yang kebanyakannya terdiri daripada pinjaman peribadi dan pinjaman kenderaan (Rajah 5). Bagi 21% daripada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM3,000, lebih 60% pendapatan mereka digunakan untuk membayar balik hutang (Rajah 6) (Borhan et al., 2018). Situasi ini secara langsung memberikan kesan terhadap sentimen dan keputusan perbelanjaan pada masa hadapan, kerana hutang yang dikumpulkan pada masa kini bermakna perbelanjaan untuk penggunaan pada masa hadapan perlu dikurangkan. Isi rumah yang dibebani hutang yang tinggi juga kurang optimis tentang kesejahteraan ekonomi mereka, kerana mereka lebih mudah terjejas oleh kejutan pendapatan dan perbelanjaan.

Rajah 5: Hutang Isi Rumah Mengikut Tujuan dan Kumpulan Pendapatan, 2016



[1]Merujuk kepada sekuriti dan lain lain
Sumber: Bank Negara Malaysia

Figure 6: Nisbah Khidmat Hutang (DSR) Isi Rumah Berpendapatan Kurang daripada RM3,000



Persepsi tentang rasuah dan sering terdedah kepada berita negatif

Persepsi tentang rasuah dan sering terdedah kepada berita negatif juga menjadi faktor yang menjejaskan sentimen rakyat Malaysia terhadap ekonomi dan keadaan negara. Antara tahun 2015 hingga 2017, kedudukan Malaysia merosot secara berterusan dalam penarafan Indeks Persepsi Rasuah Transparency International pada tangga ke-62 pada tahun 2017 (2015: tangga ke-54). Persepsi tentang rasuah melemahkan kepercayaan dalam kalangan isi rumah dan perniagaan bahawa mereka mempunyai peluang yang sama rata untuk mengejar aspirasi ekonomi masing-masing. Lebih membimbangkan, kajian menunjukkan bahawa rasuah boleh menjejaskan kesejahteraan

ekonomi melalui ketidaksamaan pendapatan yang lebih ketara[6] (Gupta et al., 2002). Di samping itu, isi rumah juga terus terdedah kepada berita negatif yang berterusan, terutamanya dalam media sosial, yang lazimnya jauh berbeza daripada laporan berita dalam media arus perdana. Fenomena ini menambahkan lagi keraguan tentang kekukuhan ekonomi Malaysia.

Kesimpulan

Ekonomi Malaysia nyata mencatat prestasi yang amat baik merentas sebahagian besar metrik ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, terdapat jurang kritikal yang dialami oleh segmen masyarakat yang mudah terjejas, khususnya isi rumah B40 dan M40 yang lebih rendah, yang perlu ditangani. Dasar yang perlu diutamakan dalam masa terdekat adalah usaha memastikan prestasi ekonomi yang teguh akan memberikan manfaat ekonomi yang lebih baik untuk semua lapisan masyarakat, dan bukan sekadar segmen tertentu sahaja. Jika dibiarkan tanpa dikenal pasti dan diatasi, jurang ini mungkin bertambah luas dan meningkatkan lagi rasa tidak puas hati, lantas membawa kepada ketidakseimbangan pada masa hadapan dan mengakibatkan kemewahan yang tidak sekata yang tidak diingini.

Sesuatu yang menggalakkan ialah rakyat Malaysia kini mula memaparkan tahap keyakinan tinggi yang sudah lama tidak kelihatan. Sentimen pengguna mencatat paras tertinggi dalam tempoh 20 tahun baru-baru ini pada S2 2018. Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan yang stabil, dengan asas-asas yang kukuh serta disokong oleh prospek dalam negeri dan luar negeri yang positif. Faktor-faktor positif ini membuka ruang yang luas untuk memulakan pembaharuan ekonomi dan struktur yang mendalam. Pembaharuan ini wajar mengutamakan usaha untuk meningkatkan tahap pendapatan merentas semua segmen isi rumah, menaikkan produktiviti dan upah, serta menambah baik kemampuan untuk memiliki rumah. Negara perlu merebut peluang ini untuk mencapai pertumbuhan ekonomi berkualiti lebih tinggi yang mampan dan memanfaatkan semua rakyat Malaysia.

[6] Ketidaksamaan pendapatan diukur melalui pekali Gini. Ukuran ini dinilai meningkat sebanyak 0.11 mata apabila kadar rasuah bertambah buruk sebanyak 1 sisihan piawai

Rujukan

Borhan et al.,(2018), Indebted to Debt: An Assessment of Debt Levels and Financial Buffers of Households, Financial Stability and Payment Systems Report 2017, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Cheah et al. (2017), Affordable Housing: Challenges and the Way Forward, Economic and Financial Developments in the Malaysian Economy in the Third Quarter of 2017, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur

Chong et al., (2018), The Living Wage: Beyond Making Ends Meet, Bank Negara Malaysia Annual Report 2017, Kuala Lumpur

Christoph Lakner, Branko Milanovic (2013); Global Income Distribution: From the Fall of the Berlin Wall to the Great Recession, The World Bank Economic Review, Volume 30, Issue 2, 1 January 2016, Pages 203–232,

Department of Statistics Malaysia, Household Expenditure Survey 2016 (database), Putrajaya

Department of Statistics Malaysia, Household Income and Basic Amenities Survey 2016 (database), Putrajaya

Gupta, Sanjeev, Davoodi, Hamid and Alonso-Terme, Rosa, (2002), Does corruption affect income inequality and poverty?, Economics of Governance, 3, issue 1, p. 23-45.

Transparency International (2017), Corruption Perception Index, https://www.transparency.org/news/feature/corruption_perceptions_index_2017.

Perkembangan Monetari dan Kewangan

SOROTAN PENTING

- Pasaran kewangan domestik, termasuk pasaran pertukaran asing, pasaran bon dan pasaran ekuiti, didorong terutamanya oleh perkembangan luaran, bergerak selaras dengan pasaran serantau.
- Walaupun berlaku aliran keluar portfolio bukan pemastautin pada suku kedua, keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan, dengan pertumbuhan pembiayaan bersih yang mampan.

Ringgit menyusut nilai berbanding dengan dolar AS pada suku kedua 2018

Penyusutan nilai ringgit berbanding dengan dolar AS adalah sejajar dengan mata wang serantau. Penyusutan nilai ringgit dan mata wang serantau berikutan jangkaan pengembalian dasar monetari ke paras yang lebih wajar pada kadar yang lebih cepat di Amerika Syarikat (AS). Hal ini turut mengakibatkan kadar hasil jangka panjang Perbendaharaan AS menjadi lebih tinggi serta dolar AS semakin kukuh dan seterusnya menyebabkan aliran keluar portfolio bukan pemastautin dari negara-negara serantau. Ketegangan perdagangan global yang semakin ketara juga menyumbang kepada sentimen negatif pada suku itu. Pada masa hadapan, ringgit akan terus dipengaruhi oleh ketidaktentuan luaran, khususnya kadar pengembalian dasar monetari di AS ke paras yang lebih wajar dan ketegangan perdagangan global. Di dalam negeri, daya tahan ekonomi bersama-sama dasar yang jelas akan memberi sokongan kepada ringgit.

Mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar AS


Rajah 21: Ringkasan Prestasi Mata Wang Serantau Berbanding dengan Dolar AS (1 April - 29 Jun 2018)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keluk kadar hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia meningkat pada suku kedua


Rajah 22: Trend Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pasaran ekuiti domestik menurun pada suku kedua

Rajah 23: Prestasi Pasaran Ekuiti Serantau



Sumber: Bloomberg

Kadar hasil bon kerajaan meningkat berikutan aliran keluar portfolio bukan pemastautin disebabkan oleh perkembangan luaran

Pada suku kedua, kadar hasil bon kerajaan meningkat bagi semua tempoh matang berikutan aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Penjualan yang menyeluruh ini disebabkan oleh sentimen penghindaran risiko (risk-off) yang timbul daripada jangkaan kadar pengembalian dasar monetari ke paras yang wajar dengan lebih cepat di AS dan ketegangan perdagangan yang semakin meruncing. Perkembangan luaran ini juga telah menyebabkan kadar hasil Nota Perbendaharaan AS meningkat yang seterusnya menambah tekanan menaik terhadap kadar hasil MGS. Kesannya, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun meningkat masing-masing sebanyak 19.0, 29.9 dan 25.4 mata asas.

Pasaran ekuiti mengalami volatiliti yang tinggi disebabkan oleh gabungan faktor luaran dan dalam negeri

FBM KLCI terus terjejas disebabkan oleh faktor luaran pada suku kedua. Indeks menurun sebanyak 9.2% dan ditutup pada 1,691.5 mata pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2018: 1,863.5 mata). Penurunan ini adalah selaras dengan trend menurun dalam pasaran ekuiti serantau kerana pelabur bukan pemastautin mengalihkan dana kepada aset selamat (safe-haven assets) berikutan ketidakpastian mengenai kadar pengembalian dasar monetari ke paras yang wajar di AS dan kebimbangan terhadap ketegangan perdagangan dunia. Di dalam negeri, kaunter pembinaan terjejas susulan penilaian semula projek-projek infrastruktur besar. Hal ini telah memberi kesan kepada indeks keseluruhan.

Pulangan benar lebih tinggi pada suku kedua dalam keadaan inflasi lebih rendah

Kadar faedah nominal dalam pasaran borong dan runcit stabil sepanjang suku kedua. Sejajar dengan KLIBOR 3 bulan yang tidak berubah pada 3.69%, kadar faedah antara bank bagi tempoh matang lain juga pada amnya stabil. Dalam pasaran runcit, kadar asas (base rate, BR) purata berwajaran dan kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran pinjaman terkumpul stabil masing-masing pada 3.89% dan 5.43%.


Berlatarkan inflasi yang semakin sederhana, kadar deposit tetap (fixed deposits, FD) benar terus meningkat pada suku kedua. Khususnya, kadar FD 12 bulan benar meningkat kepada 2.53% daripada 2.03% pada suku pertama.

Keadaan mudah tunai kekal mencukupi untuk memudahkan pengantaraan kewangan

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Mencerminkan kedudukan aliran keluar portfolio bukan pemastautin secara keseluruhan pada suku kedua, tahap lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia adalah lebih rendah. Walau bagaimanapun, aktiviti pemberian pinjaman dan peminjaman antara bank kekal teratur. Pada peringkat institusi, kebanyakan bank terus mengekalkan kedudukan lebihan mudah tunai.

Kadar deposit benar telah meningkat, mencerminkan inflasi yang lebih rendah


Rajah 24: Kadar Deposit Tetap Benar (Mengikut Kematangan), pada Akhir Tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Lebihan mudah tunai ringgit terkumpul di Bank Negara Malaysia menurun


Rajah 25: Mudah Tunai Ringgit Terkumpul di Bank Negara Malaysia, pada Akhir Tempoh



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pertumbuhan pembiayaan bersih disokong oleh pertumbuhan pinjaman dan bon korporat

Rajah 26: Sumbangan kepada Pertumbuhan Pembiayaan Bersih



* Pembiayaan bersih terdiri daripada pinjaman sistem perbankan dan IKP terkumpul, dan bon korporat terkumpul

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih mampan pada suku kedua

Pertumbuhan tahunan pembiayaan bersih kekal pada 6.3% pada suku kedua (S1 2018: 6.3%). Pertumbuhan pinjaman terkumpul[6] meningkat kepada 4.4% pada suku kedua (S1 2018: 3.9%), manakala terbitan bersih bon korporat[7] terkumpul terus berkembang pada kadar pertumbuhan dua digit sebanyak 12.4% (S1 2018: 14.1%). Pada suku kedua, bon korporat diterbitkan terutamanya untuk pembiayaan projek infrastruktur dan modal kerja. Jumlah pinjaman perniagaan terkumpul meningkat 2.2% (S1 2018: 1.3%), didorong terutamanya oleh sektor ***perkilangan; elektrik, gas dan bekalan air;*** dan ***perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel***. Pertumbuhan pinjaman kepada PKS stabil pada 4.6% (S1 2018: 4.8%) dan jumlah pinjaman yang dikeluarkan mampan pada suku kedua (RM73.4 bilion; S1 2018: RM75.9 bilion). Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul kekal stabil pada 5.3% dalam tempoh tersebut (S1 2018: 5.2%). Yang nyata, pertumbuhan permohonan dan kelulusan pinjaman isi rumah bagi ***pembelian kereta penumpang*** meningkat dengan ketara pada suku kedua masing-masing kepada 14.2% dan 21.0% (S1 2018: masing-masing -6.2% dan 0.2%). Hal ini disebabkan terutamanya oleh permintaan terhadap pembiayaan yang lebih tinggi dalam keadaan jualan kereta yang lebih menggalakkan susulan langkah pelaksanaan kadar GST sifar.

[6] Pinjaman yang diberikan oleh kedua-dua sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP).

[7] Bon korporat tidak termasuk terbitan oleh Cagamas, Danaharta, Danamodal dan bukan pemastautin.

Pertimbangan Dasar oleh Bank Negara Malaysia

SOROTAN PENTING

- MPC mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada bulan Mei dan Julai, dan mengekalkan tahap akomodatif monetari dalam keadaan prospek permintaan dalam negeri yang positif.

OPR kekal akomodatif

Pada bulan Mei dan Julai 2018, Jawatankuasa Dasar Monetari (MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (OPR) pada 3.25%.

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada separuh pertama tahun 2018, disokong oleh aktiviti sektor swasta. Dari segi prospek pertumbuhan, penilaian oleh MPC mendapati bahawa pertumbuhan ekonomi dalam negeri dijangka terus kukuh. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan, selain mendapat dorongan tambahan daripada perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi susulan pelaksanaan kadar GST sifar. Aktiviti pelaburan dijangka disokong oleh penambahan kapasiti pengeluaran terutamanya dalam industri berorientasikan eksport serta projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan. Sektor luaran akan terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan global yang berterusan, meskipun terdapat risiko yang timbul berikutan ketegangan perdagangan yang meruncing.

Inflasi keseluruhan bagi tahun 2018 diunjurkan lebih rendah berbanding jangkaan yang dibuat pada awal tahun ini. Unjuran inflasi yang dikaji semula ini mengambil kira kesan yang dijangka daripada langkah-langkah dasar baru-baru ini, termasuk kesan pelaksanaan kadar GST sifar dan penetapan harga runcit bahan api ke atas faktor-faktor kos dalam negeri. Walau bagaimanapun, persekitaran inflasi yang rendah ini dijangka hanya sementara kerana ia mencerminkan kesan sekali sahaja langkah dasar yang dilaksanakan. Kesan ini dijangka luput mulai separuh kedua tahun 2019. Namun begitu, inflasi teras dijangka terus stabil secara relatif, sejajar dengan perbelanjaan sektor swasta.

MPC akan terus memantau risiko utama yang timbul daripada apa-apa perubahan yang nyata dalam prospek pertumbuhan dan inflasi dalam negeri. Risiko terhadap prospek pertumbuhan global didapati semakin meningkat berbanding dengan risiko yang lebih seimbang pada awal tahun 2018. Hal ini berikutan ketegangan perdagangan yang meruncing dan kesan limpahan daripada perubahan aliran mudah tunai global dalam persekitaran pengembalian dasar monetari ke tahap yang wajar. Di dalam negeri, prospek pertumbuhan akan terus disokong oleh pelaksanaan dasar-dasar yang lebih jelas pada bulan-bulan akan datang. Prospek inflasi akan bergantung pada ketidakpastian yang timbul daripada takat kesan pindahan dasar cukai penggunaan ke atas harga.

Prospek permintaan dalam negeri yang positif, sektor kewangan yang teguh dan lebihan akaun semasa imbangan pembayaran yang bertambah baik merupakan faktor-faktor yang akan terus menyokong asas-asas ekonomi Malaysia. Pasaran kewangan domestik terus berdaya tahan meskipun berdepan volatiliti yang ketara berikutan aliran keluar portfolio bukan pemastautin. Kadar

pertukaran ringgit akan lebih mencerminkan asas-asas ekonomi apabila ketidakpastian mengenai perkembangan di luar dan dalam negeri semakin reda. Keadaan monetari dan kewangan domestik terus menyokong pertumbuhan ekonomi negara. Operasi monetari Bank Negara Malaysia akan terus memastikan mudah tunai mencukupi untuk menyokong pasaran wang dan pertukaran asing serta aktiviti pengantaraan, supaya dapat berfungsi dengan teratur.

Kewangan domestik terus stabil

Kewangan domestik terus stabil, dengan tahap risiko keseluruhan terus dibendung dan tidak berubah. Institusi kewangan domestik berdaya tahan disokong oleh sistem perbankan yang terus mempunyai tahap permodalan yang kukuh dan mudah tunai yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pembiayaan ekonomi benar. Sektor isi rumah masih mencatat tahap pinjaman terjejas yang rendah dalam keadaan keupayaan membayar balik hutang yang kekal kukuh. Prospek risiko keseluruhan sektor perniagaan terus stabil. Risiko langsung daripada dedahan terhadap segmen harta bukan kediaman masih rendah walaupun terdapat keadaan lebihan bekalan dalam segmen tertentu. Risiko ini terkawal kerana sistem perbankan mengekalkan piawaian pengunderaitan yang kukuh. Penilaian yang lebih menyeluruh mengenai risiko kestabilan kewangan akan dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan September.

Sorotan dasar lain pada suku kedua 2018

Institusi kewangan pembangunan (IKP) memainkan peranan yang penting dalam membangunkan sektor-sektor strategik ekonomi. Bagi membolehkan IKP terus mendukung mandat pembangunan tersebut, penting bagi institusi ini menyediakan pengantaraan kredit secara berhemat. Sebagai sebahagian daripada usaha berterusan Bank untuk menambah baik amalan pengurusan risiko institusi kewangan, IKP digalakkan untuk menerima pakai piawaian dan amalan yang relevan seperti yang digariskan dalam dokumen dasar risiko kredit yang diterbitkan untuk institusi kewangan. Pada masa yang sama, Bank akan terus berbincang dan berinteraksi dengan IKP untuk menetapkan piawaian kehematan pengurusan risiko kredit yang bersesuaian dengan peranan dan mandat mereka.

Seiring dengan usaha memperdalam dan memperluas kewangan Islam, Bank telah mengeluarkan dua dokumen dasar yang menetapkan keperluan Syariah dan operasi yang berkaitan dengan kontrak Ijarah dan Bai' al-Sarf (pertukaran mata wang). Dokumen-dokumen dasar ini menjelaskan ciri-ciri utama setiap kontrak dan menggariskan jangkaan pengawalseliaan terhadap tadbir urus, pengurusan risiko, pendedahan dan tingkah laku perniagaan bagi kedua-dua kontrak tersebut.

Bank juga menerbitkan dua draf dedahan untuk terus memajukan sektor takaful negara. Draf dedahan Insurans Kredit Perdagangan (Trade Credit Insurance) dan Takaful Kredit Perdagangan (Trade Credit Takaful) bertujuan menjadikan produk insurans dan takaful lebih sesuai bagi memenuhi keperluan perlindungan perniagaan. Cadangan untuk mengkaji semula Rangka Kerja Operasi Takaful yang sedia ada juga telah dikeluarkan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang ramai. Kajian semula ini bertujuan untuk merangsang inovasi yang lebih giat dalam sektor takaful dan pada masa yang sama melindungi kepentingan para peserta takaful.

Memandangkan serangan siber kini semakin meningkat dan serius, PayNet, pengendali infrastruktur perkongsian pembayaran negara, mengeluarkan garis panduan daya tahan siber untuk pengguna perkhidmatannya. Garis panduan ini bertujuan untuk memberikan panduan kepada pengguna PayNet, termasuk institusi kewangan, tentang cara untuk menilai dan meningkatkan keupayaan mereka mengelak, mengesan dan bertindak balas terhadap serangan siber. Garis panduan ini turut merangkumi langkah-langkah perlindungan untuk mengurangkan risiko siber berkaitan dengan PayNet dan ekosistem secara keseluruhan.

Tinjauan Makroekonomi

SOROTAN PENTING

- Pertumbuhan global terus berkembang, disokong oleh ekonomi maju dan ekonomi yang sedang pesat membangun.
- Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan yang stabil pada tahun 2018.
- Inflasi keseluruhan dijangka menjadi sederhana pada tahun 2018 disebabkan terutamanya oleh perubahan pada dasar cukai penggunaan.

Pertumbuhan global akan terus berkembang

Momentum ekonomi global, meskipun terus kukuh, dijangka menjadi sederhana pada separuh kedua tahun 2018.

Dalam ekonomi maju, aktiviti ekonomi akan terus dipacu oleh keadaan pasaran yang kukuh, yang menyokong penggunaan swasta. Ekonomi AS akan terus meraih manfaat daripada kesan dasar fiskal yang bersifat pengembangan terhadap perbelanjaan perniagaan, berlatarkan pelaburan yang lebih sederhana dalam negara maju yang lain.


Pertumbuhan di rantau Asia dijangka menjadi perlahan pada separuh kedua tahun 2018, apabila kitaran perdagangan global menjadi normal. Walau bagaimanapun, aktiviti domestik akan terus menjadi teras kepada pertumbuhan, disokong oleh langkah fiskal yang bersifat pengembangan, seperti perbelanjaan infrastruktur yang lebih tinggi.

Risiko pertumbuhan ekonomi global menjadi lebih perlahan semakin meningkat sejak beberapa bulan kebelakangan ini. Perkembangan perdagangan masih menjadi sumber kebimbangan utama, apabila konflik antara ekonomi utama terus meruncing.

Keadaan yang semakin tegang mungkin akan memberikan kesan kepada sentimen perdagangan dan perniagaan dalam industri berkaitan eksport. Rangkaian bekalan global juga dijangka terjejas disebabkan oleh kos input lebih tinggi, yang akan mengekang keuntungan.

Pertumbuhan merentas rantau diunjurkan lebih baik

Rajah 27: Pertumbuhan KDNK




r Ramalan

Sumber: Prospek Ekonomi Dunia Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) (Julai 2018)

Penunjuk utama mencatat prestasi bercampur-campur dalam beberapa bulan kebelakangan ini


Rajah 28: Indeks Pelopor Komposit



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Penunjuk sentimen meningkat dengan kukuh pada S2 2018

Rajah 29: Indeks Sentimen Pengguna dan Keadaan Perniagaan MIER



Sumber: Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia (MIER)

Risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan turut berpunca daripada pengembalian dasar monetari ke tahap yang wajar yang berterusan dalam ekonomi maju. Dalam keadaan tekanan inflasi yang meningkat, dasar monetari yang menjadi ketat pada kadar yang lebih pantas daripada jangkaan berpotensi mempercepat aliran keluar modal daripada ekonomi yang sedang pesat membangun, lantas meningkatkan lagi risiko terhadap prospek ekonomi global.

Ekonomi Malaysia dijangka terus mencatat pertumbuhan yang stabil pada tahun 2018

Ekonomi Malaysia terus berkembang pada separuh pertama tahun 2018. Aktiviti sektor swasta kekal kukuh. Pada masa hadapan, pertumbuhan pada amnya dijangka berterusan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta.

Meskipun Indeks Pelopor Komposit (Composite Leading Index) Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan prestasi bercampur-campur dalam tempoh beberapa bulan kebelakangan ini, peningkatan kukuh pada Indeks Sentimen Pengguna MIER dan Indeks Keadaan Perniagaan MIER dijangka menyokong perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta akan disokong oleh pertumbuhan upah dan pekerjaan yang berterusan, dengan rangsangan tambahan daripada perbelanjaan isi rumah yang lebih tinggi berikutan pelaksanaan GST pada kadar sifar. Aktiviti pelaburan akan dipacu oleh pengembangan kapasiti terutamanya dalam industri berorientasikan eksport dan projek infrastruktur yang sedang dilaksanakan, khususnya dalam subsektor pengangkutan dan utiliti. Walau bagaimanapun, pertumbuhan mungkin terjejas sebahagiannya disebabkan oleh perbelanjaan sektor awam yang lebih rendah. Dari segi sektor luaran, aktiviti perdagangan dijangka terus mendapat manfaat daripada pertumbuhan global yang terus berkembang.

Kepastian yang lebih tinggi tentang dasar dalam negeri sepanjang tempoh beberapa bulan akan datang dijangka menyokong prospek pertumbuhan Malaysia. Asas makroekonomi Malaysia kekal kukuh, lantas menyediakan penampan yang diperlukan untuk menguruskan dengan berkesan kejutan yang mungkin berlaku terhadap ekonomi.

Walaupun inflasi keseluruhan dijangka menurun, tahap penurunan akan bergantung pada kesan pindahan daripada perubahan dasar cukai penggunaan

Inflasi keseluruhan dijangka kekal rendah sepanjang pelaksanaan kadar GST sifar, sebelum meningkat pada bulan September selepas pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST). Prospek inflasi ini akan bergantung pada kesan pindahan daripada pelaksanaan kadar GST sifar dan pelaksanaan semula SST pada bulan September. Bagi tahun 2018, inflasi keseluruhan mungkin lebih rendah daripada yang diramalkan sebelum ini.

Inflasi teras, yang tidak mengambil kira kesan perubahan pada dasar cukai penggunaan, dijangka kekal stabil secara relatif pada suku-suku tahun yang akan datang, disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang mampan. Tekanan inflasi yang didorong oleh permintaan dijangka terus dibendung berikutan ketiadaan kekangan yang berterusan terhadap stok modal dan tekanan terhadap gaji.

Rencana Khas

Mentransformasikan Telefon Mudah Alih menjadi E-Dompet di Malaysia

Oleh: Lee Zhi Wei dan Daniel Khaw Peng Tsu

SOROTAN PENTING

- Pembaharuan yang dilaksanakan oleh Bank Negara Malaysia (Bank) telah membolehkan kemajuan yang nyata dalam usaha Malaysia untuk beralih kepada e-pembayaran. Pada masa hadapan, pembayaran mudah alih mempunyai potensi yang besar untuk mengurangkan penggunaan wang tunai. Pembayaran mudah alih berada pada peringkat awal pembangunan di Malaysia namun semakin mendapat perhatian dengan kemasukan peserta bukan bank baharu.
- Bagi menggalakkan penggunaan pembayaran mudah alih, Bank memperkenalkan Rangka Kerja Pindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF) yang mewujudkan perkongsian infrastruktur pembayaran untuk menghubungkan akaun-akaun bank dengan bukan bank dan pada masa yang sama menguruskan risiko yang berbangkit.
- Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (dijangka beroperasi pada akhir tahun 2018) akan membolehkan pembayaran yang lancar dan selamat melalui penggunaan pengenal identiti mudah seperti nombor telefon mudah alih, nombor kad pengenalan dan nombor pendaftaran perniagaan serta penggunaan kod Respons Pantas (Quick Response, QR) seragam.

Pengenalan

Penghijrahan daripada instrumen berasaskan kertas, seperti wang tunai dan cek, kepada alternatif pembayaran secara elektronik (e-pembayaran) yang berkesan dari segi kos, berpotensi untuk meningkatkan daya saing negara dalam dua aspek utama: (i) penjimatan kos yang lebih besar dan peningkatan kecekapan yang dianggarkan sehingga 1% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) setahun[1]; dan (ii) mengurangkan risiko ketirisan kepada ekonomi bayangan (shadow economy), terutamanya melalui kegiatan haram seperti pengelakan cukai dan rasuah. Artikel ini memberikan tinjauan keseluruhan mengenai kemajuan yang dicapai oleh Bank Negara Malaysia (Bank) dalam usaha mempercepat penghijrahan Malaysia kepada e-pembayaran, dengan tumpuan diberikan pada pembangunan penting berkaitan dengan pembayaran mudah alih dan potensinya untuk mentransformasikan landskap pembayaran Malaysia.

Kemajuan yang menggalakkan dalam usaha mempercepat penghijrahan Malaysia kepada e-pembayaran

Bank mempunyai komitmen jangka panjang untuk mempercepat penghijrahan Malaysia kepada e-pembayaran. Hal ini terkandung dalam Pelan Sektor Kewangan 2011-2020 (Financial Sector Blueprint, FSBP). Sehubungan dengan itu, strategi Bank adalah untuk mengoptimumkan dan memperkukuh infrastruktur sedia ada yang menyokong e-pembayaran. Ini termasuk memanfaatkan perkhidmatan pindahan dana elektronik (seperti GIRO Antara Bank (IBG) dan perkhidmatan Pindahan Segera (Instant Transfer) yang boleh diakses oleh 99.9% pemegang akaun semasa dan simpanan di Malaysia) sebagai alternatif kepada penggunaan cek.

[1] Berdasarkan kajian Bank Pusat Eropah (European Central Bank) pada tahun 2012, negara-negara yang banyak menggunakan e-pembayaran berbanding dengan wang tunai dan cek didapati menanggung kos pembayaran runcit yang lebih rendah iaitu serendah 0.42% daripada KDNK. Manakala bagi negara yang kurang menggunakan e-pembayaran berbanding dengan wang tunai dan cek menanggung kos pembayaran runcit yang lebih tinggi iaitu setinggi 1.35% daripada KDNK.

Untuk mengurangkan penggunaan wang tunai, Bank terus menggalakkan penggunaan kad debit memandangkan kadar penembusannya yang tinggi[2] dalam kalangan rakyat Malaysia. Bagi mengukuhkan persekitaran yang menyokong penggunaan e-pembayaran secara lebih luas, Bank telah memperkenalkan tiga gelombang langkah pembaharuan yang pelbagai (Gambar Rajah 1). Secara kolektif, langkah-langkah pembaharuan ini bertujuan membetulkan herotan harga, menstrukturkan semula insentif pasaran dan meningkatkan kebolehcapaian, kualiti dan tawaran nilai perkhidmatan e-pembayaran.

Gambar Rajah 1: Tiga gelombang langkah transformasi Bank untuk sistem pembayaran Malaysia



	2013	2015	2018
Bidang Tumpuan	**Pindahan dana eletronik menggantikan cek**	**Kad debit menggantikan tunai**	**Bayaran mudah alih menggantikan tunai dan cek**
Cabaran	Herotan harga antara cek dengan pindahan kredit	• MDR[1] tinggi • Pertambahan terminal POS yang sederhana	Dianggarkan 12 juta orang dewasa tanpa khidmat perbankan dalam talian
Inisiatif	**Rangka Kerja Pembaharuan Harga dan ePIF[1]** • IBG (fi maksimum: 10 sen) • Pindahan Segera (fi maksimum: 50 sen) • Pengenalan fi untuk cek dan ePIF[1]	**PCRF[1]** • Had maksimum fi pertukaran • Penubuhan MDF[1] • Pelaksanaan Cip dan PIN	**ICTF[1]** • Akses terbuka dan sama rata kepada infrastruktur pembayaran bersama bagi bank dan bukan bank yang layak • Capaian akaun melalui pengenal pasti yang seragam • Skim QR saling boleh kendali dan kod QR yang sama • Transaksi Pindahan Segera sehingga RM5k adalah percuma[2] bagi individu dan PKS[3]

[1] Merujuk Dana Insentif e-Pembayaran (ePIF), Kadar Diskaun Peniaga (MDR), Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran (PCRF), Dana Pembangunan Pasaran (MDF) dan Rangka Kerja Pindah Kredit Saling Boleh Kendali (ICTF)
[2] Percuma
[3] Berkuat kuasa 1 Julai 2018

Hasil langkah-langkah pembaharuan tersebut, kemajuan yang nyata telah dicapai dalam usaha memperluas penggunaan e-pembayaran di Malaysia. Sejak tahun 2011, jumlah cek yang digunakan setiap tahun berkurang sebanyak 42%, manakala jumlah pindahan dana secara elektronik mengatasi jumlah penggunaan cek sebanyak 2.8 kali pada tahun 2017. Pada masa sama, jumlah transaksi kad debit telah meningkat lebih enam kali, iaitu daripada 25.1 juta pada tahun 2011 kepada 162.3 juta pada tahun 2017. Jumlah terminal semasa jualan (point-of-sale, POS) pula bertambah hampir sekali ganda daripada 207,499 pada tahun 2011 kepada 407,122 pada tahun 2017.

Walaupun kemajuan tersebut dicapai, masih terdapat cabaran untuk mengurangkan penggunaan wang tunai, terutamanya dalam kalangan peniaga kecil-kecilan yang sering menganggap wang tunai ialah cara pembayaran yang tidak melibatkan kos tambahan meskipun terdapat kos ekonomi yang tersirat (Jadual 1). Bagi peniaga kecil-kecilan ini, fi urus niaga (juga dikenali sebagai Kadar Diskaun Peniaga (Merchant Discount Rate, MDR)) yang perlu dibayar untuk menggunakan kemudahan terminal POS terus menjadi halangan kepada mereka untuk menerima kad pembayaran sebagai kaedah pembayaran.[3] Perkara ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah penggunaan wang tunai juga terus menjadi pilihan ramai di kebanyakan negara lain (kecuali Sweden) (Rajah 1).


[2] Pada akhir tahun 2017, terdapat 44.1 juta kad ATM yang juga berfungsi sebagai kad debit untuk 32.1 juta penduduk Malaysia.
[3] Ini berlaku meskipun MDR purata telah berkurang dari tahun 2015 hingga tahun 2017 berikutan pelaksanaan Rangka Kerja Pembaharuan Kad Pembayaran yang dikeluarkan oleh Bank. Kadar ini berkurang daripada 0.86% kepada 0.56% bagi kad debit jenama domestik (MyDebit), daripada 1.39% kepada 0.89% bagi kad debit jenama antarabangsa (Visa, Mastercard dan UnionPay) dan daripada 1.48% kepada 1.33% untuk kad kredit.

Jadual 1: Kos menggunakan wang tunai

Jenis kos	Contoh
Kos sumber (Termasuk kos berasaskan masa, berasaskan pekerja, kos perjalanan, kos berasaskan modal/teknologi dan kos keselamatan)	• Masa untuk sampai ke Mesin Juruwang Automatik (ATM) untuk mengeluarkan wang tunai atau membuat pembayaran; • Kos masa berkaitan dengan penyediaan mesin wang tunai sebelum waktu buka perniagaan dan penutupan mesin wang tunai pada waktu tutup perniagaan; • Pemprosesan wang tunai pada waktu tutup di kedai atau apabila membuat pengimbangan akaun; • Kos kesilapan yang berkaitan dengan kerugian biasanya ditanggung oleh perniagaan dan agensi kerajaan disebabkan oleh jumlah yang tidak sama antara mesin wang tunai dengan penerimaan sebenar; • Perbatuan (mileage) untuk sampai ke cawangan bank; • Kos insurans berkaitan dengan wang tunai, termasuk premium insurans yang dibayar bagi kerugian akibat aktiviti berkaitan dengan pembuatan, pengeluaran, pengumpulan, penyimpanan dan pelupusan wang kertas dan duit syiling; dan • Kos berkaitan dengan kerugian, rompakan, penipuan dan kecurian yang disebabkan oleh beberapa kejadian kerugian, penipuan dan/atau kecurian wang kertas dan duit syiling sehingga jumlah yang tidak dilindungi insurans.
Kos pindahan (Termasuk fi yang dibayar kepada pihak berkepentingan lain dalam proses pembayaran runcit untuk perkhidmatan yang diberikan)	• Fi yang dibayar kepada pihak luar yang tidak dijana secara dalaman (contoh: kepada syarikat logistik tunai)

Sumber: Kumpulan Bank Dunia

Rajah 1: Nisbah wang tunai dalam edaran kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (CIC/KDNK) negara-negara terpilih[4]




Pembayaran mudah alih – gelombang transformasi seterusnya dalam pembayaran

Untuk mempercepat pengurangan penggunaan wang tunai, pembayaran mudah alih dijangka memainkan peranan penting pada masa akan datang. Memandangkan kadar penembusan telefon mudah alih adalah tinggi di Malaysia[5], telefon mudah alih boleh berfungsi dengan mudah sebagai alat untuk membuat dan menerima pembayaran tanpa memerlukan kos infrastruktur tambahan. Contohnya, penggunaan bayaran kod Respons Pantas (Quick Response, QR) boleh mengurangkan keperluan terminal POS. Pada masa sama, pengguna di Malaysia juga semakin biasa dengan cara urus niaga melalui saluran mudah alih. Jumlah akaun perbankan mudah alih meningkat kepada 11.5 juta pada tahun 2017 (2011: 1.6 juta). Transaksi kewangan melalui perbankan mudah alih juga meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan terkompaun sebanyak 91% sepanjang tujuh tahun lalu, dengan jumlah transaksi sebanyak 106.1 juta dan bernilai RM48.3 bilion pada tahun 2017 (2011: 2.2 juta transaksi; RM0.9 bilion).

[4] Australia (AUS), Kanada (CAN), Hong Kong (HK), Malaysia (MY), Singapura (SG), Korea Selatan (KR), Sweden (SWE) dan Thailand (TH)
[5] Pada akhir tahun 2017, terdapat 42.4 juta langganan telefon mudah alih (75.9% merupakan telefon pintar) bagi penduduk Malaysia sebanyak 32.1 juta orang.


Selain itu, minat terhadap penyediaan perkhidmatan pembayaran mudah alih di Malaysia didapati semakin meningkat sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Bilangan pengeluar wang elektronik bukan bank yang diluluskan bertambah daripada 25 pada tahun 2016 kepada 44 pada akhir bulan Jun 2018, dengan kebanyakan daripada penyertaan baharu ini menawarkan solusi pembayaran melalui aplikasi mudah alih (Rajah 2).

Rajah 2: Bilangan pengeluar wang elektronik bukan bank yang diluluskan di Malaysia



Perkembangan ini diharap dapat terus menyumbang kepada ekosistem yang lebih memberangsangkan memandangkan penyedia pembayaran mudah alih telah membangunkan lebih banyak aplikasi baharu dan berinovatif untuk menarik pengguna menggunakan perkhidmatan pembayaran digital, termasuk kelompok pengguna yang masih belum menggunakannya. Oleh itu, telefon mudah alih dijangka mempercepat penyertaan kira-kira 12 juta orang dewasa (daripada jumlah penduduk dewasa[6] sebanyak 24 juta di Malaysia) yang pada masa ini masih kurang atau tidak mendapat solusi perbankan Internet sedia ada untuk menggunakan pembayaran digital (Gambar Rajah 2). Hal ini juga konsisten dengan dapatan kajian Bank Dunia[7] di beberapa negara, yang menunjukkan pembayaran mudah alih telah membantu meningkatkan akses kepada perkhidmatan kewangan kepada golongan dewasa dalam kumpulan berpendapatan rendah.

Gambar Rajah 2: Telefon mudah alih sebagai saluran mudah untuk meliputi segmen yang kurang mendapat perkhidmatan kewangan dan tiada kemudahan perkhidmatan kewangan



[6] Individu berumur 15 tahun ke atas.
[7] Berdasarkan The Global Findex Database 2017 terbitan Bank Dunia (World Bank) (halaman 28-29)

Walaupun landskap pembayaran mudah alih Malaysia terus didominasi bank-bank - masing-masing mewakili 98.4% dan 99.4% dari segi jumlah dan nilai transaksi pembayaran mudah alih pada tahun 2017, perkhidmatan pembayaran mudah alih yang ditawarkan oleh bukan bank mula mendapat perhatian. Jumlah pelanggan perkhidmatan pembayaran mudah alih yang ditawarkan oleh bukan bank telah meningkat lebih empat kali, iaitu daripada 0.8 juta pelanggan pada tahun 2017 kepada 3.4 juta pelanggan pada akhir bulan Jun 2018. Pada separuh pertama 2018 sahaja, transaksi pembayaran mudah alih yang diproses oleh pengeluar wang elektronik bukan bank berjumlah 7.2 juta (bernilai RM404.7 juta). Angka ini adalah lebih tujuh kali lebih tinggi daripada 1.0 juta transaksi pada tahun 2017 (bernilai RM240.3 juta).


Perkhidmatan pembayaran mudah alih bukan bank juga menunjukkan potensi yang besar untuk mengurangkan penggunaan wang tunai memandangkan cara pembayaran begini adalah untuk transaksi bernilai kecil. Yang nyata, pembayaran mudah alih bukan bank mencatat nilai transaksi purata sebanyak RM15 pada separuh pertama tahun 2018 berbanding dengan RM391 bagi perbankan mudah alih.

Pendekatan Bank untuk mewujudkan persekitaran yang menyokong pembayaran mudah alih

Walaupun pembayaran mudah alih masih pada peringkat awal pembangunannya di Malaysia, Bank menjangka trend semasa akan meningkat dengan lebih pesat. Untuk tujuan itu, Bank berusaha mewujudkan persekitaran yang menyokong pembayaran mudah alih dan pada masa yang sama menguruskan risiko yang berbangkit seperti risiko yang disebabkan oleh pengenalan teknologi pembayaran baharu dan pertambahan pesat bilangan peserta pasaran.

Dalam hal ini, satu inisiatif utama yang telah diambil ialah Rangka Kerja Pindahan Kredit Saling Boleh Kendali (Interoperable Credit Transfer Framework, ICTF)[8] yang dikeluarkan oleh Bank, yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2018. Matlamat ICTF adalah untuk menggalakkan persaingan secara kerjasama (co-opetition), iaitu: (i) peserta industri bekerjasama pada tahap penyediaan infrastruktur menerusi infrastruktur pembayaran bersama yang bertujuan memperluas jangkauan rangkaian serta mengelakkan duplikasi sumber; dan (ii) persaingan dijangka berlaku pada peringkat produk melalui pembentukan ciri-ciri nilai tambah yang inovatif untuk pengguna akhir. Ini mungkin termasuk pengalaman pengguna yang terbaik dan integrasi yang bersepadu dengan gaya hidup, seperti program kesetiaan untuk makanan dan minuman (F&B), hiburan dan perkhidmatan lain. Pendekatan ini mencerminkan matlamat Bank untuk mengelakkan pembentukan landskap yang berpecah-pecah seperti yang dicirikan oleh rangkaian pembayaran proprietari yang tidak saling berhubung sepenuhnya (Gambar Rajah 3). Cabaran sebegini lebih nyata dalam pasaran yang mengalami pertambahan pesat bilangan peserta.

Gambar Rajah 3: Membolehkan fungsi saling boleh kendali melalui ICTF



Nota:
Contoh e-dompet bank termasuk Maybank, CIMB, Bank Muamalat, dll.
Contoh e-dompet bukan bank termasuk TnG Digital, WeChat Pay, GrabPay, Boost, dll.

[8] https://www.bnm.gov.my/index.php?ch=57&pg=543&ac=692&bb=file

Menerusi infrastruktur pembayaran bersama, matlamat ICTF adalah untuk memastikan semua akaun pelanggan (akaun bank dan akaun wang elektronik) dapat diakses menerusi rangkaian saling boleh kendali bagi memudahkan pembayaran yang lancar,dan seterusnya mendorong penggunaan pembayaran mudah alih untuk mengurangkan penggunaan wang tunai. Bagi mencapai matlamat ini, ICTF adalah berlandaskan tiga tonggak utama seperti yang ditunjukkan di bawah (Gambar Rajah 4):

Gambar Rajah 4: Tiga asas utama ICTF



[1] Pengeluar e-wang bukan bank yang mempunyai kehadiran pasaran yang besar

Tumpuan Bank untuk menggalakkan fungsi saling boleh kendali digariskan dalam pendekatan ICTF bagi pembayaran menggunakan kod QR. Sejak kebelakangan ini, pembayaran menggunakan kod QR semakin dilihat sebagai alternatif wajar kepada pembayaran menggunakan wang tunai, terutamanya di Asia yang mempunyai kadar penembusan telefon mudah alih yang secara relatif tinggi. Pendekatan pengawalseliaan adalah berbeza merentas negara. Ada sebilangan pihak berkuasa memilih persekitaran kawal selia yang tidak terlalu ketat untuk membolehkan kuasa pasaran membentuk landskap pembayaran QR dengan bebas. Pihak-pihak berkuasa lain pula berusaha untuk menggalakkan industri beralih ke arah penyeragaman kod QR, dengan sesetengah negara mempertimbangkan untuk membenarkan penggunaan hanya satu kod QR yang standard.

Dengan mengambil kira ciri-ciri pasaran Malaysia, Bank menggunakan pendekatan yang unik untuk memastikan terdapat satu rangkaian yang bersepadu dan saling berkait di tengah-tengah pertambahan bilangan penyedia pembayaran kod QR yang pesat. Lebih khusus lagi, ICTF menghendaki bank-bank dan para pengeluar wang elektronik bukan bank yang layak[9] dihubungkan melalui sebuah platform umum untuk pembayaran QR, yang juga dikenali sebagai "skim pembayaran QR saling boleh kendali" ("interoperable QR payment scheme"). Skim ini membolehkan pelanggan dan peniaga membuat dan menerima pembayaran dengan lancar antara satu sama lain semasa jualan tanpa mengambil kira penyedia pembayaran kod QR yang menyelenggara akaun mereka.


Meskipun terdapat keperluan untuk skim pembayaran QR saling boleh kendali, Bank tidak berhasrat untuk menghendaki hanya satu kod QR yang standard digunakan dalam landskap pembayaran mudah alih Malaysia. Peniaga mempunyai budi bicara untuk memilih sama ada menggunakan standard kod QR yang sama atau standard kod QR proprietari untuk menerima pembayaran. Hal ini bergantung pada keperluan perniagaan mereka masing-masing. Perkara ini mencerminkan aspirasi Bank untuk membentuk dinamik pasaran yang tidak menghalang inovasi, memandangkan kod QR proprietari tertentu boleh memberikan tawaran nilai yang berbeza kepada peniaga.

[9] Pengeluar wang elektronik bukan bank yang layak merujuk pengeluar wang elektronik bukan bank yang mempunyai kehadiran pasaran yang besar seperti yang ditakrifkan di bawah ICTF.

Pelaksanaan Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata

PayNet, sebagai pengendali infrastruktur pembayaran bersama, dijangka memainkan peranan penting untuk memudahkan pembayaran mudah alih yang lancar dan selamat melalui Platform Pembayaran Runcit Masa Nyata (Real-time Retail Payments Platform, RPP) yang baharu. RPP merupakan fasa seterusnya dalam usaha meningkatkan perkhidmatan pindahan dana masa nyata yang telah ada di Malaysia sejak awal tahun 2010. Di bawah RPP, Pangkalan Data Maklumat Kebangsaan (National Addressing Database, NAD) akan dibangunkan untuk membolehkan pembayaran dibuat dengan mudah menggunakan nombor telefon mudah alih penerima, nombor Kad Pengenalan atau nombor pendaftaran perniagaan (Gambar Rajah 5). Tambahan lagi, skim pembayaran QR saling boleh kendali juga akan diwujudkan di bawah RPP untuk memudahkan pembayaran dibuat melalui penggunaan standard kod QR seragam. Selaras dengan prinsip co-opetition ICTF, RPP akan berfungsi sebagai rangkaian saling boleh kendali yang menghubungkan akaun bank dengan akaun wang elektronik bukan bank, termasuk untuk pembayaran QR.

Gambar Rajah 5: Proses pembayaran lebih lancar melalui NAD



RPP dijangka dilancarkan lewat tahun 2018. Bagi memastikan risiko pasaran yang tidak bersepadu diuruskan dengan baik, PayNet telah mengadakan beberapa perbincangan dan interaksi dengan pengeluar wang elektronik bukan bank utama bagi memudahkan penyertaan dalam RPP yang lancar dan tepat pada masanya. Pada masa akan datang, pelaksanaan RPP juga akan ditambah baik dengan beberapa inisiatif yang digariskan dalam Hala Tuju Teknologi RPP (Gambar Rajah 6).

Gambar Rajah 6: Hala tuju Teknologi RPP Paynet[10]



[10] Garis masa yang dicadangkan adalah tentatif dan tertakluk pada perubahan.

Masa hadapan pembayaran mudah alih

Walaupun pembayaran mudah alih masih pada peringkat awal pelaksanaannya di Malaysia, ia dijangka terus mencapai kemajuan yang nyata pada masa akan datang. Hasilnya, landskap pembayaran mudah alih negara akan terus berkembang pesat. Bertolak dari sini, peluang-peluang baharu akan wujud, termasuk potensi yang lebih besar untuk bekerjasama sama ada pada peringkat industri mahupun antara peserta sedia ada dengan peserta baharu. Walau bagaimanapun, perubahan dalam model perniagaan dan tingkah laku pengguna terhadap penggunaan e-pembayaran yang lebih meluas juga akan membawa bersamanya risiko-risiko baharu, terutamanya risiko yang berkaitan dengan keselamatan siber.

Dalam hal ini, Bank dengan kerjasama industri akan terus mengambil sikap berhati-hati dalam menjaga kestabilan dan kewibawaan sistem pembayaran di Malaysia selain menggalakkan persaingan pasaran dan kecekapan pembayaran yang lebih tinggi. Bagi pembayaran mudah alih khususnya, Bank akan memberi tumpuan pada bidang-bidang keutamaan yang berikut pada masa hadapan:

- Memastikan RPP dilaksanakan tepat pada masanya serta berkesan untuk memudahkan pembayaran mudah alih yang saling boleh kendali bagi mengurangkan penggunaan wang tunai;
- Memperkukuh kawalan keselamatan dan pengurusan risiko penyedia pembayaran mudah alih bagi melengkapi kehendak pengawalseliaan sedia ada dari segi menguruskan risiko keselamatan siber; dan
- Memastikan langkah-langkah pendidikan pelanggan institusi kewangan terus berkesan dan selaras dengan perkembangan modus operandi penipuan bagi memupuk keyakinan terhadap penggunaan perkhidmatan pembayaran mudah alih.

Rujukan

Bank Negara Malaysia (2011): 'Recommendations 5.1.1 - 5.1.5', Financial Sector Blueprint 2011-2020, Page 151-161.

Bank for International Settlements (2017): 'Comparative Tables: Banknotes and coins in circulation', Statistics on payment, clearing and settlement systems in the CPMI countries, Page 422.

European Central Bank (2012): 'Costs of Retail Payment Instruments', The Social and Private Costs of Retail Payment Instruments: A European Perspective, Page 25.

Malaysian Communications and Multimedia Commission (2017): Hand Phone Users Survey 2017, Page 11.

World Bank Group (2016): Retail Payments: A Practical Guide for Measuring Retail Payment Costs, Page 20.

World Bank Group (2018): The Global Findex Database 2017, Page 28-29.

Tambahan

Jadual 1:

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan (pada harga malar tahun 2010)

	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Pertumbuhan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri Agregat (tidak termasuk stok)	92.2	5.7	6.7	4.1	5.6	4.9
Sektor Swasta	*71.1*	7.2	7.7	5.2	7.5	6.4
Penggunaan	*53.7*	*7.1*	*6.9*	*6.9*	*8.0*	*7.4*
Pelaburan	*17.4*	*7.4*	*10.0*	*0.5*	*6.1*	*3.4*
Sektor Awam	*21.0*	0.2	2.9	-0.1	-1.4	-0.7
Penggunaan	*13.0*	*3.3*	*5.3*	*0.4*	*3.1*	*1.8*
Pelaburan	*8.0*	*-5.0*	*-0.9*	*-1.0*	*-9.8*	*-5.2*
Eksport Bersih	7.7	1.9	-6.9	62.4	1.7	29.9
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*72.8*	*9.4*	*9.6*	*3.7*	*2.0*	*2.9*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*65.1*	*10.4*	*11.7*	*-2.0*	*2.1*	*0.0*
KDNK	**100.0**	**5.8**	**5.7**	**5.4**	**4.5**	**4.9**
KDNK (pertumbuhan suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.3**	**-**	**1.4**	**0.3**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 2:

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)

Perubahan tahunan (%)	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
Perkhidmatan	54.5	6.3	6.1	6.5	6.5	6.5
Perkilangan	23.0	6.0	5.8	5.3	4.9	5.1
Perlombongan	8.4	0.1	0.7	0.1	-2.2	-1.0
Pertanian	8.2	5.9	7.1	2.8	-2.5	0.1
Pembinaan	4.6	8.3	7.4	4.9	4.7	4.8
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.8**	**5.7**	**5.4**	**4.5**	**4.9**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 3:

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**20.5**	**20.9**	**5.8**	**8.2**	**7.0**
Perkilangan	82.1	18.7	19.1	8.2	10.6	9.4
E&E	*36.7*	*22.6*	*20.5*	*11.8*	*9.8*	*10.8*
Bukan E&E	*45.4*	*15.8*	*18.0*	*5.5*	*11.3*	*8.4*
Berasaskan sumber	*23.0*	*17.2*	*23.2*	*0.8*	*8.6*	*4.7*
Bukan berasaskan sumber	*22.4*	*14.4*	*12.9*	*10.5*	*14.1*	*12.3*
Komoditi	17.0	28.4	28.0	-4.8	-3.7	-4.3
Pertanian	*8.4*	*18.2*	*23.7*	*-9.9*	*-15.3*	*-12.6*
Mineral	*8.6*	*41.1*	*32.5*	*-0.1*	*8.5*	*3.9*
Import Kasar	**100.0**	**19.0**	**23.2**	**-0.8**	**7.7**	**3.4**
Barangan pengantara	57.1	23.9	25.8	-10.5	-4.7	-7.6
Barangan modal	13.8	7.0	23.4	-13.0	5.7	-4.3
Barangan penggunaan	8.5	1.5	2.7	2.3	-2.8	-0.4
Lain-lain (termasuk eksport semula dan barangan dua kegunaan)	20.6	23.3	26.3	37.3	51.3	44.3
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**-**	**24.1**	**42.9**	**33.4**	**27.2**	**60.6**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 4:

Destinasi Eksport Malaysia

	Bahagian 2017 (%)	2017		2018		
		S2	ST1	S1	S2	ST1
		Perubahan tahunan (%)				
Kesatuan Eropah (EU)	**10.2**	**21.7**	**22.0**	**5.2**	**12.2**	**8.6**
Jepun	**8.0**	**26.4**	**21.9**	**-5.8**	**-8.5**	**-7.0**
Amerika Syarikat	**9.5**	**9.4**	**10.6**	**2.1**	**-2.0**	**0.8**
ASEAN[1]	**29.2**	**16.1**	**19.8**	**2.0**	**6.0**	**4.0**
Timur Laut Asia	**24.2**	**30.0**	**27.0**	**22.6**	**28.5**	**25.6**
Republik Rakyat China	*13.5*	*42.6*	*41.2*	*0.3*	*15.3*	*8.0*
Hong Kong SAR	*5.1*	*12.3*	*11.2*	*82.8*	*67.5*	*74.9*
Korea	*3.1*	*30.5*	*12.7*	*29.5*	*17.4*	*23.1*
China Taipei	*2.5*	*9.9*	*11.7*	*25.6*	*40.0*	*33.3*
Asia Barat[2]	**2.7**	**13.4**	**10.1**	**-11.8**	**-9.1**	**-10.4**
India	**3.7**	**16.1**	**15.0**	**9.9**	**-2.4**	**3.6**
Jumlah Eksport	**100.0**	**20.5**	**20.9**	**5.8**	**8.2**	**7.0**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestine, Yaman dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Jadual 5:

Imbangan Pembayaran[1]

	2016		2017		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Akaun Semasa	**8.8**	**13.6**	**15.0**	**3.9**	**18.9**
(% daripada PNK)	*2.7*	*2.1*	*4.5*	*1.2*	*2.8*
Barangan	26.0	51.0	35.7	26.1	61.7
Perkhidmatan	-4.8	-11.0	-5.8	-6.2	-12.0
Pendapatan Primer	-8.2	-18.3	-10.2	-11.2	-21.4
Pendapatan Sekunder	-4.2	-8.1	-4.7	-4.7	-9.4
Akaun Kewangan	**9.0**	**0.7**	**15.2**	**9.2**	**24.4**
Pelaburan langsung	-7.1	2.1	10.7	-0.7	10.0
Aset	*-15.6*	*-17.6*	*-3.1*	*-3.2*	*-6.3*
Liabiliti	*8.4*	*19.7*	*13.8*	*2.5*	*16.3*
Pelaburan Portfolio	17.5	-14.9	-2.6	-38.3	-40.9
Aset	*-2.8*	*-11.8*	*-10.5*	*-1.0*	*-11.6*
Liabiliti	*20.3*	*-3.1*	*7.9*	*-37.2*	*-29.3*
Derivatif Kewangan	-0.3	0.4	0.8	-0.2	0.5
Pelaburan lain	-1.1	13.1	6.4	48.4	54.8
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-7.5	-6.1	-12.0	-13.9	-25.9
Imbangan Keseluruhan	**10.3**	**8.1**	**18.2**	**-0.9**	**17.3**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Mulai S1 2018, kesilapan dan ketinggalan bersih tidak termasuk perubahan hasil daripada penilaian semula nilai rizab antarabangsa. Amalan ini terpakai untuk siri belakang hingga S1 2010.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 6:

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2017	2018	
	akhir-Jun	akhir-Mac	akhir-Jun
	RM bilion		
Jumlah hutang luar negeri	**878.5**	**893.4**	**936.5**
Bersamaan dengan USD bilion	*202.5*	*229.0*	*229.2*
Mengikut instrumen			
Bon dan nota[1]	163.3	142.2	145.8
Peminjaman antara bank[1]	192.3	168.0	222.2
Pinjaman antara syarikat[1]	129.8	126.0	129.8
Pinjaman[1]	37.4	81.7	88.6
Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin	193.1	210.2	185.1
Deposit bukan pemastautin	78.9	87.8	85.6
Lain-lain[2]	83.7	77.6	79.2
Profil tempoh matang			
Jangka sederhana dan panjang	489.4	495.7	486.7
Jangka pendek	389.1	397.7	449.8
Denominasi mata wang			
Ringgit	286.1	310.6	292.2
Asing	592.4	582.8	644.3
Jumlah hutang/KDNK (%)	65.0	61.8	64.7
Hutang jangka pendek/Jumlah hutang (%)	44.3	44.5	48.0
Rizab/Hutang jangka pendek (kali)	1.1	1.0	0.9[3]

[1] Instrumen hutang terkandung dalam peminjaman luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF dan liabiliti hutang lain.
[3] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 31 Julai 2017.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Jadual 7:

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

	2017		2018			2017		2018		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Perubahan dalam tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah pembiayaan bersih	**29.8**	**66.6**	**36.7**	**32.3**	**69.0**	**7.0**	**7.0**	**6.3**	**6.3**	**6.3**
Pinjaman terkumpul*[1]	12.0	27.3	18.4	21.0	39.4	5.6	5.6	3.9	4.4	4.4
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan	1.0	9.7	8.9	6.5	15.4	6.6	6.6	1.3	2.2	2.2
PKS	*2.1*	*5.6*	*2.1*	*1.6*	*3.7*	*7.0*	*7.0*	*4.8*	*4.6*	*4.6*
Bukan PKS	*-1.2*	*4.1*	*6.7*	*4.9*	*11.7*	*6.3*	*6.3*	*-2.0*	*-0.1*	*-0.1*
Isi rumah	10.4	18.6	11.4	11.7	23.1	5.1	5.1	5.2	5.3	5.3
Bon korporat terkumpul	17.9	39.3	18.3	11.3	29.6	11.8	11.8	14.1	12.4	12.4

* Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 8:

Penunjuk Pinjaman

	2017		2018			2017		2018		
	S2	ST1	S1	S2	ST1	S2	ST1	S1	S2	ST1
	Pada tempoh (RM bilion)					Pertumbuhan tahunan (%)				
Jumlah										
Permohonan pinjaman[1]	204.8	402.3	209.0	219.5	428.5	-3.1	1.1	5.8	7.2	6.5
Kelulusan pinjaman[1]	91.8	179.2	90.3	99.6	189.9	3.9	9.0	3.3	8.6	6.0
Pengeluaran pinjaman[2]	274.1	566.5	297.0	299.1	596.1	1.0	4.3	1.6	9.1	5.2
Bayaran balik pinjaman[2]	274.4	564.1	293.0	298.4	591.4	3.3	4.4	1.1	8.8	4.8
Antaranya:										
Perusahaan perniagaan[3]										
Permohonan pinjaman	86.6	173.0	94.2	99.0	193.2	-14.6	-7.9	9.0	14.2	11.6
Kelulusan pinjaman	40.9	81.8	39.7	47.2	86.9	-3.9	5.5	-3.1	15.5	6.2
Pengeluaran pinjaman	196.9	410.6	210.2	215.8	426.0	0.4	4.8	-1.7	9.6	3.7
Bayaran balik pinjaman	198.9	409.5	206.0	216.4	422.4	2.8	4.2	-2.2	8.8	3.2
PKS										
Permohonan pinjaman	42.1	83.2	44.0	47.6	91.6	-10.6	-4.9	7.0	13.0	10.1
Kelulusan pinjaman	15.2	29.1	15.1	16.2	31.3	-8.0	-2.6	8.3	6.9	7.6
Pengeluaran pinjaman	69.3	141.1	75.9	73.4	149.3	4.7	9.8	5.7	6.0	5.9
Bayaran balik pinjaman	68.5	138.3	74.7	74.0	148.7	3.6	9.3	7.0	8.0	7.5
Bukan PKS[3]										
Permohonan pinjaman	44.5	89.8	50.2	51.4	101.6	-18.1	-10.6	10.9	15.4	13.1
Kelulusan pinjaman	25.7	52.7	24.6	31.0	55.6	-1.4	10.7	-8.9	20.6	5.4
Pengeluaran pinjaman	127.6	269.6	134.3	142.4	276.7	-1.8	2.3	-5.4	11.6	2.6
Bayaran balik pinjaman	130.4	271.2	131.3	142.4	273.7	2.4	1.7	-6.7	9.2	1.0
Isi rumah										
Permohonan pinjaman	118.2	229.3	114.8	120.6	235.3	7.5	9.3	3.3	2.0	2.6
Kelulusan pinjaman	50.9	97.3	50.6	52.4	103.0	11.1	12.1	8.9	3.0	5.8
Pengeluaran pinjaman	77.2	155.9	86.8	83.3	170.1	2.7	3.1	10.4	7.8	9.1
Bayaran balik pinjaman	75.5	154.6	87.0	82.0	168.9	4.5	5.2	9.9	8.6	9.3

[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi pinjaman sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran dan bayaran balik pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan dan institusi kewangan pembangunan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan bukan bank domestik, institusi kewangan domestik, kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 9:

Penunjuk Keberuntungan Sektor Perbankan

	2017			2018	
	S2	S3	S4	S1	S2
Pulangan atas ekuiti (%)	12.7	12.8	13.0	12.4	13.3
Pulangan atas aset (%)	1.4	1.4	1.5	1.4	1.5
	RM juta				
Pendapatan faedah bersih	11,622	11,705	11,662	12,065	12,044
Campur: Pendapatan berasaskan fi	2,527	2,452	3,036	2,658	2,515
Tolak: Kos operasi[1]	7,670	7,589	8,180	8,150	7,842
Keuntungan operasi kasar	6,478	6,568	6,517	6,574	6,717
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	823	528	415	687	454
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	5,655	6,040	6,103	5,887	6,264
Campur: Pendapatan lain	3,577	3,023	3,838	3,053	4,062
Untung sebelum cukai	**9,233**	**9,063**	**9,941**	**8,940**	**10,325**
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Pulangan atas ekuiti *(mata peratusan)*	-0.4	0.014	0.5	0.6	0.6
Pulangan atas aset *(mata peratusan)*	0.0	0.030	0.1	0.1	0.1
Pendapatan faedah bersih	9.6	9.8	5.2	6.6	3.6
Campur: Pendapatan berasaskan fi	13.0	12.4	20.0	4.7	-0.5
Tolak: Kos operasi[1]	4.6	4.1	8.3	7.1	2.2
Keuntungan operasi kasar	17.7	18.3	7.5	5.3	3.7
Tolak: Peruntukan jejas nilai[2] dan lain-lain	11.2	17.3	-40.2	128.3	-44.9
Keuntungan operasi kasar selepas peruntukan	18.8	18.4	13.7	-0.9	10.8
Campur: Pendapatan lain	-13.4	6.1	64.7	51.1	13.5
Untung Sebelum cukai	**3.8**	**14.0**	**29.1**	**12.3**	**11.8**

[1] Merujuk kos kakitangan dan overhed
[2] Merujuk peruntukan jejas nilai individu dan secara kolektif berdasarkan Dokumen Dasar Mengenai Pengelasan dan Peruntukan Jejas Nilai untuk Pinjaman/Pembiayaan bagi institusi perbankan yang belum menerima pakai Malaysia Financial Reporting Standard 9 (MFRS 9); dan Jangkaan Kerugian Kredit untuk 12 Bulan - Jangkaan Kerugian Kredit Seumur Hidup yang

Jadual 10:

Penunjuk Keberuntungan Sektor Insurans dan Takaful

	2017			2018	
	S2	S3	S4	S1	S2
	RM juta				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	4,413	3,518	4,918	4,089	-1,215
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	762	654	783	561	762
Nisbah tuntutan *(%)*	55	61	55	57	59
	Pertumbuhan tahunan (%)				
Insurans Hayat & Takaful Keluarga					
Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan	67.8	-34.2	647.7	-33.2	-127.5
Insurans Am & Takaful Am					
Keuntungan operasi	-10.6	-26.2	-12.1	13.4	0.0
Nisbah tuntutan *(mata peratusan)*	-1.2	4.8	-1.7	-6.0	3.6

Sumber: Bank Negara Malaysia

Jadual 11:

Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]

	2017		2018		
	S2	ST1	S1	S2	ST1
	RM bilion				
Hasil	50.4	97.1	54.3	52.5	106.8
% pertumbuhan tahunan	*6.2*	*0.8*	*16.5*	*4.0*	*10.0*
Perbelanjaan mengurus	53.5	111.1	54.9	62.9	117.8
% pertumbuhan tahunan	*2.8*	*1.5*	*-4.6*	*17.5*	*6.0*
Akaun semasa	**-3.1**	**-14.0**	**-0.6**	**-10.4**	**-11.0**
% daripada KDNK	***-0.9***	***-2.1***	***-0.2***	***-3.0***	***-1.6***
Perbelanjaan pembangunan bersih	10.6	20.0	10.8	9.1	19.8
% pertumbuhan tahunan	*2.0*	*1.9*	*15.5*	*-14.8*	*-0.7*
Imbangan keseluruhan	**-13.8**	**-34.0**	**-11.3**	**-19.5**	**-30.8**
% daripada KDNK	***-4.2***	***-5.2***	***-3.3***	***-5.6***	***-4.5***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	64.2	131.0	65.7	72.0	137.6
% pertumbuhan tahunan	*2.7*	*1.6*	*-1.8*	*12.1*	*5.0*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan (pada akhir tempoh)	685.1	685.1	705.0	725.2	725.2
% daripada KDNK	*50.6*	*50.6*	*48.7*	*50.1*	*50.1*
Hutang dalam negeri	496.3	496.3	499.5	541.3	541.3
% daripada KDNK	*36.7*	*36.7*	*34.5*	*37.4*	*37.4*
Hutang luar negeri	188.8	188.8	205.5	184.0	184.0
% daripada KDNK	*14.0*	*14.0*	*14.2*	*12.7*	*12.7*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin	*171.1*	*171.1*	*189.6*	*167.5*	*167.5*
% daripada KDNK	*12.6*	*12.6*	*13.1*	*11.6*	*11.6*
Peminjaman luar pesisir	*17.7*	*17.7*	*15.9*	*16.5*	*16.5*
% daripada KDNK	*1.3*	*1.3*	*1.1*	*1.1*	*1.1*

[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia